

## Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang di Sarawak

BILCHER BALA

Penulisan ini membincangkan latarbelakang masyarakat tradisional Kelabit dan Lun Bawang, iaitu sebelum mereka memeluk agama Kristian. Bagaimanapun, perbincangan ini akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek tertentu dan penting sahaja, terutamanya berkenaan aspek identifikasi etnik, sejarah dan metos asal usul petempatan, sistem sosial dan sistem kepercayaan mereka.

Negeri Sarawak merupakan sebuah negeri yang didiami oleh beberapa kumpulan etnik yang mempunyai adat resam, bahasa dan cara hidup yang tersendiri. Malahan tempat tinggal mereka juga seolah-olah terdapat satu pembahagian dan pengasingan. Cuma di bandar pada hari ini keadaannya berbeza. Secara umumnya, sebahagian besar penduduk luar bandar tinggal secara berasingan di antara satu kaum dengan lain. Boleh dikatakan tidak ada dua kaum yang menduduki satu kampung. Lantaran itu kumpulan etnik dapat dikenal pasti bukan sahaja dari segi kebudayaan, bahasa dan organisasi sosialnya, malah melalui lokasi petempatan mereka. Kebanyakan orang Melayu tinggal di tepi-tepi pantai dan lembah-lembah sungai. Sementara itu kumpulan etnik Dayak<sup>1</sup> pula mendiami kawasan-kawasan pedalaman dan hulu-hulu sungai. Seperti kebiasaan di negeri-negeri lain, kawasan bandar didiami oleh kumpulan etnik pendatang semata-mata.

Selain daripada orang Melayu, Melanau, Iban dan Bidayuh, terdapat beberapa kumpulan kecil lain seperti Kayan, Kenyah, Lun Bawang, Tagal, Kelabit, Penan, Kajang, Bisaya, Tabun, Saban dan Bukitan. Setiap kumpulan masyarakat<sup>2</sup> ini mempunyai perbezaan di antara satu dengan yang lain. Tetapi untuk tujuan banci dan pentadbiran, mereka biasanya digolongkan sebagai 'lain-lain bumiputera'.<sup>3</sup> Mereka merupakan masyarakat kecil membentuk 5.1 peratus daripada jumlah penduduk negeri Sarawak, ataupun 7.5 peratus daripada jumlah penduduk bumiputera Sarawak dalam tahun 1960. Dianggarkan pada pertengahan tahun 1990 bahawa mereka membentuk 5.5 peratus daripada jumlah penduduk negeri Sarawak.

### IDENTIFIKASI ETNIK

Tugas atau usaha mengklasifikasi penduduk bumiputera Sarawak khususnya dan di pulau Borneo amnya adalah amat sukar dan dikatakan kucar-kacir sahaja.<sup>4</sup> Pengalaman ini amat dirasai oleh pihak Kerajaan Negeri sewaktu

hendak menjalankan banci penduduk pada tahun 1947, dan oleh Bahagian Ethnologi, Muzium Sarawak, Kuching.<sup>5</sup> Namun pada umumnya beberapa suku kaum di Sarawak itu telah diberi label ataupun diklasifikasikan oleh orang-orang luar, terutamanya pengkaji-pengkaji dari Barat dalam zaman pemerintahan Rajah Brooke dahulu. Secara beransur-ansur nama atau label yang diberi itu terus digunakan sehingga hari ini. Pada masa dahulu, kaum pribumi di Sarawak biasanya merujuk nama kaum mereka masing-masing berdasarkan nama sesebuah sungai yang diduduki oleh mereka.<sup>6</sup> Selain daripada klasifikasi Dayak Laut (merujuk kepada Iban), Dayak Darat (merujuk kepada Bidayuh) dan Melanau adalah merupakan istilah atau label yang dicipta oleh pengkaji-pengkaji Barat. Misalnya kaum Melanau pada masa dahulu lebih dikenali *A-Likou* atau *A-Likau*<sup>7</sup>, yang bermaksud 'orang sungai'. Begitu juga halnya dengan klasifikasi 'Kelabit' dan 'Lun Bawang' yang dibincangkan seterusnya.

*Kelabit* - Menurut pengkaji-pengkaji lepas mengatakan label tersebut untuk pertama kalinya timbul dan digunakan dalam pentadbiran Residen Daerah Baram yang pertama, Dr. Charles Hose.<sup>8</sup> Dalam tahun 1901, pentadbiran Dr. Hose di Claudetown (kini Bandar Marudi) telah mengadakan satu pesta regata, yang bertujuan untuk mewujudkan hubungan dan perpaduan di kalangan masyarakat pribumi khususnya dalam daerah Baram. Ia juga diadakan dengan harapan dapat menarik perhatian masyarakat pribumi kepada aktiviti-aktiviti yang lebih berfaedah daripada amalan memburu kepala di kalangan mereka sendiri. Pada masa inilah sekumpulan kecil orang yang hadir sekadar untuk menyaksikan pesta tersebut telah memperkenalkan diri mereka sebagai *Kamih Lun Pa Labid* 'we are Pa Labid people'. Pa bermaksud sungai dalam dialek Kelabit dan *Labid* ialah nama khas sungai tersebut. Sebenarnya label Kelabit itu adalah terbentuk dari satu kesilapan sebutan yang dilakukan oleh kaum Kenyah yang menyebut 'P' pada nada 'K', dan 'D' pada nada 'T'.<sup>9</sup> lantaran itu Pa' Labid akan berbunyi Ka Labit, atau Kalabit.

Penggunaan istilah Kalabit secara rasminya diterima dalam "Sarawak Interpretation Ordinate" dalam tahun 1953. Tetapi kemudiannya ia diubah menjadi *Kelabit* sejak tahun 1960 dalam perangkaan banci penduduk di Sarawak.<sup>10</sup> Istilah Kelabit terus kekal hingga ke hari ini untuk tujuan banci dan pentadbiran bagi penduduk yang mendiami kawasan pedalaman di pergunungan utara negeri Sarawak, yang dipanggil sebagai Dataran Tinggi Kelabit (Kelabit Highland) dan kadangkala disebut Tanah Tinggi Kelabit ataupun Tanah Tinggi Bario.<sup>11</sup>

Dalam penulisan-penulisan lepas, misalnya LeBar (1972) dan Rousseau (1988) mencadangkan istilah "Kelabitic Murut" sebagai klasifikasi umum bagi kaum Kelabit dan lain-lain suku kaum yang mempunyai budaya dan dialek yang rapat seperti Lun Berian, Lun Kerayan, Lun Kurid, Lun Bawang dan sebagainya.<sup>12</sup> Manakala Douglas (1907, 1911), dan Hose (1926)

mengklasifikasikan Lun Berian, Lun Kerayan dan lain-lain di bahagian Kalimantan sebagai Kelabit. Walhal suku-suku kaum tersebut walaupun memiliki persamaan dialek yang dominan, tetapi pada hakikatnya mereka memiliki banyak perbezaan budaya, malahan begitu terpisah dari kaum Kelabit. Kaum Kelabit pada hari ini hanya didapati mendiami kawasan pedalaman Daerah Baram di Bahagian Keempat dan Daerah Limbang di Bahagian Kelima, negeri Sarawak.

*Lun Bawang* - Label tersebut pada asalnya muncul daripada satu pertikaian klasifikasi 'Murut' yang digunakan di Sabah dan Sarawak. Label Murut ini merupakan satu klasifikasi etnik yang paling mengelirukan<sup>13</sup> dalam penulisan-penulisan lepas mengenai etnografi penduduk pulau Borneo amnya. Di Sabah, istilah itu dirujuk kepada suku-suku kaum seperti Timungon, Nabay, Baukan, Paluan, Sumambug, Alumbis dan Tagal (Idahan Murut<sup>14</sup>). Manakala di Sarawak ianya merujuk kepada Lun Bawang dan Tagal. Pada umumnya penulisan-penulisan lepas cenderung menggunakan istilah Murut dan hanya sejak awal tahun 70an istilah Lun Bawang mula digunakan. Misalnya oleh Clayre (1972) dan Deegan (1973).

Istilah 'Murut' juga kadangkala merangkumi kaum Kelabit, kerana mempunyai hubungan dan persamaan dari segi dialek dan budaya yang rapat semata-mata<sup>15</sup>. Seorang pengkaji Barat, St. John (1962) pernah mengklasifikasikan kaum Kelabit sebagai "Main Muruts".<sup>16</sup> *Main* adalah nama sebuah kawasan mata air garam (*salt spring*) atau sebuah petempatan awal kaum Kelabit di sebut Pa' Main.<sup>17</sup>

St. John merupakan orang luar yang pertama mengemukakan istilah 'Murut' tersebut. Walhal istilah itu tidak pernah diakui khususnya dikalangan kaum Lun Bawang sendiri.<sup>18</sup> Dalam tahun 1850an, St. John telah melawat lembah Adang, sebuah petempatan awal Lun Bawang yang terletak di antara Gunung Murud dan Gunung Batu Lawih. Istilah oleh St. John itu bukanlah yang sesuai dan tepat, kerana dalam bahasa pertuturan Lun Bawang untuk gunung ialah *surud*. Dalam pengertian yang diberi oleh orang Kelabit, bahawa istilah Murut itu berasal dari perkataan *purut*, yang bermaksud mas kahwin dalam adat Lun Bawang. Kata kerja bagi *purut* adalah *murut* dalam bahasa dialek Kelabit, yang bermaksud membayar mas kahwin kepada pihak pengantin perempuan (to pay the bride price).<sup>19</sup> Manakala Ermen (1911) pula mengatakan istilah Murut itu berasal dari istilah bahasa Melayu, *turut* yang dimaksud oleh beliau sebagai "to follow, to move, or to go", kerana bagi beliau kaum ini telah diusir dari kawasan hulu sungai dan telah jauh "turuted" ke kawasan lembah.<sup>20</sup> Menurut pengertian yang diberikan oleh orang Kedayan di Brunei istilah Murut merujuk kepada kaum pribumi bukan Muslim yang mendiami kawasan pedalaman utara negeri Sarawak. Ataupun istilah itu mereka maksudkan sebagai *orang gunung* (men of the mountains).<sup>21</sup>

Selain penggunaan istilah Murut itu, terdapat istilah lain yang boleh mengelirukan dalam penulisan-penulisan lepas iaitu *Lun Dayeh*<sup>22</sup> @ *Lun*

*Daya*. Namun istilah itu memberi pengertian yang terlalu umum. Seperti kata Prigle (1972) bahawa; "... Daya, of course, mean almost anything, including Iban ..." <sup>23</sup> Walaupun istilah Lun Dayeh sudah lama digunakan, tetapi orang Murut di Sarawak lebih cenderung untuk menggunakan istilah Lun Bawang sebagai label dan identifikasi suku kaum mereka. Sebelum tahun 1960an, orang Murut di Sarawak itu boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu *Lun Lod* (people near the sea) dan *Lun Dayeh* (people of the interior).

Lantaran proses perpindahan ke kawasan dataran rendah di hilir sungai, terutamanya ke kawasan-kawasan bandar ataupun pinggir bandar telah menimbulkan konsep *Lun Lod*. Istilah *Lun Bawang* lahir sebagai 'local labelling' oleh Lun Lod, sempena lokasi petempatan baru mereka. *Bawang* membawa maksud negeri atau bandar ataupun sesebuah petempatan bagi mereka. Dengan kata lain istilah *Lun Bawang* diertikan sebagai "the people of the land" atau 'the people of the place or villages'. <sup>24</sup> Secara beransur-ansur penggunaan label Lun Bawang semakin popular dan hanya selepas pembentukan Persekutuan Malaysia dalam tahun 1963, barulah istilah Lun Bawang itu digunakan dalam dokumen-dokumen rasmi <sup>25</sup> di Sarawak. Istilah Lun Bawang hanya digunakan oleh kumpulan yang terdapat di Sarawak sahaja. Istilah itu tidak melibatkan kumpulan yang berada di Ulu Padas, Mangalong (di selatan Sabah) dan Kalimantan Timur. Penggunaan istilah Lun Bawang adalah suatu bentuk *Political manoeuvre* bagi jemaah Kristian Lun Lod di daerah Lawas sebagai tuntutan hak dominasi mereka dalam *Native Church* (Sidang Injil Borneo). <sup>26</sup>

Orang Kelabit dan Lun Bawang merupakan dua kumpulan kaum yang mempunyai ciri-ciri persamaan dialek dan budaya yang dominan. <sup>27</sup> Dalam banyak penulisan lepas-pun, misalnya Douglas (1907, 1911), Hose (1926), Hepburn (1949) dan LeBar (1972) sering kali menganggap kedua-dua kaum ini sebagai saudara sepupu ataupun dari rumpun bangsa yang sama semata-mata. Kenyataan ini memang diakui oleh orang Kelabit dan Lun Bawang sehingga pada hari ini. Fakta ini digambar oleh Runciman (1960) yang menyebut:

The name 'kelabit' means 'people of the river Labid'. While 'Murut' simply means 'hill-folk'. The two people are closely related. Physically they too are comparatively fair skinned - and they consider fair skins desirable - and are taller and stronger than the other peoples of the plains ... they are less than 2000 Kelabits and less than 4000 Muruts. They only entered into the history of modern Sarawak at the end of the nineteenth century. <sup>28</sup>

Walau bagaimanapun, pada amnya kewujudan istilah-istilah 'Kelabit', 'Murut', 'Lun Dayeh', dan 'Lun Bawang' khususnya, adalah telah dipopularkan oleh penyelidik-penyelidik luar. <sup>29</sup> Klasifikasi 'Murut' ternyata menimbulkan kekeliruan dalam pengkajian sejarah etnografi di Sarawak dan Sabah. Kemunculan istilah 'Lun Bawang' pula telah menjadi satu isu identifikasi

etnik yang kontroversi. Kaum Lun Bawang dipanggil Murut, baik dalam pentadbiran banci penduduk dan lain-lain penggunaan yang rasmi, namun semuanya tidak tepat dan tidak sesuai kerana istilah itu turut merangkumi sekumpulan penduduk di Sabah yang jauh berbeza dan terpisah dengan kaum Lun Bawang di Sarawak. Hanya identifikasi Kelabit sahaja yang terus stabil dan popular penggunaannya. Menurut Metcalf (1975) "Only the Kelabit seem well served by their name. It is true antonym, and they are classified independently in the census."<sup>30</sup> Pada hakikatnya, pengklasifikasian yang dilakukan berasaskan etnologi, etnografi, mahupun linguistik ternyata tidak dapat mewujudkan satu klasifikasi etnik yang lengkap. Apatah lagi untuk mendapatkan satu klasifikasi yang berasaskan asal-usul lokaliti. Banci 1947 negeri Sarawak jelas menggambarkan kesulitan tersebut. Kelemahan banci 1947 itu adalah disebabkan terdapat istilah @ label etnik yang tidak dinyatakan. Manakala Needham (1955) pula menjelaskan kelemahannya berpunca dari individu-individu yang melaksanakan banci tersebut bukanlah bersifat profesional. Seperti kata beliau, bahawa:

The census officials were not ethnographers, the ethnographic classification of the census was rather shaky, and the absence of a term in the census report is no evidence of its lack of relevance.<sup>31</sup>

Berdasarkan bukti-bukti dalam penulisan dan penyelidikan yang sedia ada menunjukkan sesuatu label yang dibuat atau diwujudkan itu adalah penting. Pada dasarnya Label yang diberikan adalah untuk membezakan sesuatu kaum berdasarkan asal-usul lokaliti dan budaya daripada kaum-kaum yang lain. Misalnya Iban, Kayan, Bidayuh, Kelabit dan Lun Bawang.

#### KELABIT DAN LUN BAWANG DALAM KONTEKS MASYARAKAT 'ORANG ULU'

Pada amnya, istilah *Orang Ulu* boleh ditakrifkan sebagai penduduk hulu sungai; penduduk asli di kawasan luar bandar yang mendiami kawasan pedalaman iaitu kawasan hulu sungai-sungai yang besar di Negeri Sarawak. Walaupun tidak ada takrifan yang sah dan rasmi, Orang Ulu selalunya diandaikan untuk merujuk kepada penduduk asli yang tinggal di kampung-kampung dan rumah-rumah panjang di kawasan pedalaman Negeri Sarawak.<sup>32</sup> Dengan lain perkataan "They are largely jungle people for majority of their population live within the great forest of Sarawak."<sup>33</sup> Di samping itu terdapat juga sekumpulan kecil Orang Ulu di Negara Brunei Darussalam, Sabah dan ramai lagi yang menetap di Kalimantan.

Orang Ulu adalah satu istilah dari bahasa melayu yang telahpun wujud sejak zaman pemerintahan Rajah Brooke di Sarawak. Iaitu satu istilah yang kerap digunakan oleh penduduk hulu sungai ketika memperkenalkan diri mereka kepada pegawai-pegawai Kerajaan Brooke dahulu. Mereka

menggelarkan diri mereka sebagai *kami Orang Ulu* (we the upriver people).<sup>34</sup> Namun istilah 'Orang Ulu' untuk pertama kalinya digunakan secara rasmi pada tahun 1958, yakni dalam ordinan Undang-undang Adat Pribumi.<sup>35</sup> Ketika itu penggunaan istilah tersebut hanya dikhususkan untuk suku kaum Kayan dan Kenyah sahaja. Pada 28 Oktober, 1966, istilah 'Orang Ulu' itu muncul sekali lagi dengan penubuhan satu pertubuhan sosial, *Orang Ulu National Association (OUNA)*. Pada kali ini istilah tersebut mula memasukkan kumpulan kaum pribumi yang lain, khususnya yang mempunyai pergaulan dan perhubungan yang erat dengan orang Kayan dan Kenyah. Dalam Perlembagaan OUNA, Bahagian Law 3 (11) menyebut:

The Orang Ulu shall mean Bukitan, Bisaya, Kayan, Kajang (including Sekapan, Kejaman, Lahaman, Punan, Tanjong and Kanowit), Kelabit, Kenyah (including Sebop, Sipeng, Kiput, Badang and Berawan), Lugat, Lisum, Murut (Lun Bawang), Penan, Sian, Tabun, Ukit, Saban.<sup>36</sup>

Dalam tujuan banci dan pentadbiran, masyarakat Orang Ulu merujuk kepada istilah 'Lain-lain bumiputra', yakni kumpulan-kumpulan kaum minoriti di Sarawak. Dalam tahun 1960, populasi Orang Ulu adalah dianggarkan seramai 37,931 orang. Populasi mereka telah meningkat kepada 58,029 orang mengikut anggaran yang dibuat dalam tahun 1980.

Kesimpulan bahawa semua kumpulan Dayak kecuali Iban, Bidayuh dan Dusun diklasifikasikan sebagai 'Orang Ulu'. Orang Ulu ini kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman, khasnya di Baram, Trusan, Limbang dan Belaga. Walau bagaimanapun, konsep Orang Ulu pada hakikatnya tidak diakui oleh orang Kelabit dan Lun Bawang.<sup>37</sup>

## TABURAN PENDUDUK KELABIT DAN LUN BAWANG

Dalam penulisan-penulisan awal telah menyebutkan bahawa kaum Kelabit dan Lun Bawang merupakan penduduk yang lebih ramai bilangannya. Seperti yang dijelaskan oleh Charles Hose pada tahun 1894 bahawa: "The Kalabit - a numerous race of people living inland on the hills and plains to the north of the Baram River, and in the far interior of that part of Borneo".<sup>38</sup> Pada hari ini, populasi kaum Kelabit dan Lun Bawang itu boleh dikenal pasti berdasarkan nama-nama kampung mereka. Kedua-dua kaum ini juga hidup dalam rumah panjang seperti lain-lain masyarakat Orang Ulu. Cuma terdapat sedikit perbezaan dengan rumah panjang orang Kelabit, iaitu suku kaum yang lain biasanya meletakkan dinding pemisah di antara sebuah dapur dengan dapur yang lainnya. Tom Harrisson (1958) menjelaskan bahawa:

All other Borneo inland people divide the rear half of long-house into separate rooms. Not so the Kelabits ... you can walk as easily up and down the back as in front, on the verandah ... . Consequently of course, there is no private life in the usual sense of that term.<sup>39</sup>

Dikatakan pada masa dahulu terdapat lebih kurang lima puluh buah rumah panjang yang membentuk dua puluh kampung orang Kelabit di Sarawak. Pada hari ini, kampung-kampung yang wujud adalah merupakan petempatan baru kecuali kampung Pa' Lungan sahaja yang terus kekal dari asalnya (panggilan asalnya ialah Pa' Terap).<sup>40</sup> Sila rujuk Jadual 1.

JADUAL 1. Jumlah Kampung-kampung Kelabit dan Lun Bawang

a. *Kelabit*

Nama Kampung	Zon Petempatan	Nama Kampung	Zon Petempatan
Bario Asal	Bario	Remudu	Bario
Ulung Palang	Bario	Long Dano	Bario
Arur Dalam	Bario	Long Peluan	Long Paluan
Arur Layun	Bario	Long Seridan	Long Seridan
Pa' Ramapuh	Bario	Long Lellang	Long Lellang
Tunas Baru <sup>1</sup>	Bario	Long Napir	Long Napir <sup>4</sup>
Pa' Derung	Bario		
Padang Pasir	Bario		
Kg. Baru <sup>2</sup>	Bario		
Pa' Umor	Bario		
Pa' Ukat	Bario		
Pa' Lungan	Bario		
Pa' Dalih	Bario		
Bt. Patung <sup>3</sup>	Bario		

<sup>1</sup> Nama asalnya ialah Pa' Ramapuh Dita (atas).

<sup>2</sup> Sebuah petempatan baru yang terdiri daripada penduduk Long Dano yang berhijrah untuk mendekati kemudahan perhubungan udara di Bario.

<sup>3</sup> Sudah tidak ada penghuni lagi kerana mereka telah berhijrah ke petempatan lain seperti Pa' Dalih dan Long Peluan.

<sup>4</sup> Satu-satunya petempatan Orang Kelabit dalam Bahagian Kelima (Limbang) dan yang lain-lain dalam Bahagian Keempat (Miri).

b. *Lun Bawang*

Zon-zon Petempatan	Bilangan Kampung
Limbang	10
Lawas	16
Trusan Hulu	16
Trusan Tengah	12
Trusan Laut	12
Jumlah	72

Sumber: Laporan Lingkungan Kawalan Gereja SIB untuk Tahun 1993.

Dalam sekitar akhir abad ke sembilan belas dan awal abad kedua puluh, orang Kelabit dikatakan hampir pupus akibat diserang berbagai penyakit berjangkit yang tidak pernah wujud sebelumnya di petempatan mereka. Misalnya penyakit-penyakit seperti kolera, demam campak, demam panas dan sebagainya mula merebak di kalangan komuniti Kelabit. Dipercayai bahawa penyakit-penyakit itu wujud ekoran hubungan mereka dengan orang luar, terutamanya sejak pemerintahan Rajah Brooke. Menjelang suku pertama abad kedua pulu, khususnya dengan kedatangan para mubaligh *Borneo Evangelical Mission (BEM)* di kalangan komuniti ini telah sedikit sebanyak memperbaiki populasi mereka sehingga ke hari ini. Dalam tahun 1947, populasi orang Kelabit adalah seramai 1,358 orang dan meningkat menjadi, 1,612 orang pada tahun 1964.<sup>41</sup> Kadar populasi mereka telah mencapai angka 2,541 pada tahun 1970,<sup>42</sup> dan selepas sepuluh tahun berikutnya menjadi 3,821 orang Kelabit. Lihat Jadual 2.

JADUAL 2. Komposisi dan Tambahan Penduduk di Sarawak (Tahun 1947-60)

Kumpulan Etnik	Bilangan 1947	Peratus Daripada Jumlah Penduduk		Peratusan Tambahan Tahun 1947-1960	
		1960	1947	1960	
Melayu	97,469	129,300	17.9	17.4	32.7
Melanau	35,560	44,661	6.5	6.0	25.6
Iban	190,326	237,741	34.8	31.9	24.9
Bidayuh	42,195	57,619	7.7	7.7	36.6
Lain2*					
Bumiputra	29,867	37,931	5.5	5.1	27.0
Cina	145,158	229,540	26.6	30.8	26.8
Lain2	5,719	6,492	0.9	0.9	26.8
Eropah	691	1,631	0.1	0.2	136.0
Jumlah	546,385	744,529	100	100	36.3
* Lain-lain Bumiputra		Bilangan Dlm Tahun 1960			
	Kayan	7,899			
	Kenyah	8,093			
	Kelabit	2,040			
	Murut	5,214			
	Punan dan lain-lain	4,675			
	Jumlah	57,931			
	Peratusan daripada jumlah penduduk Bumiputra	7.5			

Sumber: Lee Yong Leng, *Population and Settlement in Sarawak*, Singapore: Asia Pacific Press, 1970. hlm. 40 & 93.



Hari ini boleh dikatakan lebih separuh populasi orang Kelabit tinggal di luar Dataran Tinggi Kelabit terutamanya di bandar-bandar utama Sarawak seperti Marudi, Miri, Bintulu, Limbang, Lawas, Sibu dan Kuching. Pada mulanya, aliran penghijrahan mereka ke bandar-bandar itu adalah semata-mata melanjutkan pelajaran ke peringkat sekolah menengah dan seterusnya<sup>43</sup> ke alam pekerjaan yang mengekalkan mereka di bandar-bandar. Boleh dikatakan populasi kaum Kelabit pada hari ini adalah sekitar lebih kurang 5,261 orang.<sup>44</sup>

Dalam membincangkan populasi kaum Lun Bawang ini, tumpuan akan merangkumi kawasan-kawasan petempatan mereka di Sarawak sahaja. Perbincangan ini cuba tidak melibatkan populasi mereka yang terdapat di bahagian selatan negeri Sabah dan Kalimantan. Dalam pertengahan tahun 1946, terdapat lebih kurang 5,000<sup>45</sup> orang Lun Bawang (masih dalam pengertian Murut) menurut anggaran oleh Tom Harrisson. Pada tahun 1949, Tom Harrisson memberi anggaran seramai 5,000 orang Lun Bawang, terutamanya yang mendiami lembah Trusan, Lawas dan Limbang. Anggaran ini bertindih dengan anggaran yang diberikan oleh J. Hepburn untuk tahun yang sama, iaitu 3,290 orang.<sup>46</sup>

Dalam pertengahan abad kedua puluh, komuniti Lun Bawang telah diserangi penyakit-penyakit berjangkit seperti Malaria, biri-biri, tibi dan sebagainya. J. Hepburn (1949) mengaitkan masalah ini berpunca daripada hubungan orang Lun Bawang dengan orang luar. Juga menurut beliau, "they were also vicious drinkers and debaucher would go on for weeks which by no means helped the health situations".<sup>47</sup> Walhal Dr. Mary Saunders yang dihantar oleh kerajaan kolonial British untuk berkhidmat di kalangan kaum Murut percaya penyakit-penyakit berjangkit itu berpunca daripada sistem pemakanan kurang berzat, di samping kebersihan rumah panjang mereka yang kotor dan tidak terjaga.<sup>48</sup> Kerajaan kolonial British di Sarawak telah berusaha dengan kerajasama para mubaligh BEM memberikan perkhidmatan perubatan di kawasan orang Lun Bawang. Dalam tahun-tahun berikutnya didapati populasi Lun Bawang telah berkembang dan dianggarkan berjumlah 5,214 orang dalam tahun 1960, kemudian meningkat kepada 9,783 orang dalam tahun 1980. Lihat Jadual 3.

Berbeza dengan kaum Kelabit, boleh dikatakan hampir tiga perempat daripada populasi Lun Bawang itu kekal mendiami petempatan tradisional mereka di pedalaman daerah Lawas dan Limbang, Bahagian Kelima, Sarawak. Lihat Jadual 4.

## SEJARAH DAN METOS PETEMPATAN

Secara amnya kebanyakan kaum pribumi di Sarawak merujuk asal usul mereka ke Kalimantan. Misalnya kaum Iban dikatakan berasal dari Sungai Kapuas; Kayan dan Kenyah dari Sungai Batang Kayan di Kalimantan.<sup>49</sup>

JADUAL 3. Anggaran penduduk Mengikut Kumpulan Etnik di Sarawak Tahun 1980

Kumpulan Etnik	Bilangan	Peratusan Daripada Jumlah Penduduk
Melayu	357,804	19.7
Melanau	75,126	5.7
Iban	396,280	30.3
Bidayuh	107,549	8.2
Lain-lain		
Bumiputra*	69,065	5.3
Cina	385,161	29.5
Lain-lain**	16,597	1.3
Jumlah	1,307,582	100

\*\* Termasuk Eropah

\* Lain-lain Bumiputra

Kumpulan Etnik	Bilangan	Peratusan
Kenyah	16,068	23.3
Kayan	13,834	20.0
Kedayan	11,036	15.16
Lun Bawang	9,783	14.2
Penan	5,779	8.4
Bisaya	3,985	5.8
Kelabit	3,821	5.5
Lain-lain*	4,759	6.9
Jumlah	69,065	100

\* Kajang (Punan Ba, Sekapan, Kejaman, Lahaman, Tanjong), Tagal, Tabun, Ukit, Bukitan, Lisum, Saban dan Sian.

Sumber: Diubahsuai dari Siaran Perangkaan Tahunan Sarawak 1991, Jabatan Perangkaan Malaysia (Cawangan Sarawak November 1992, hlm. 16 & 17)

Kaum Bidayuh yang menduduki Bahagian Pertama di Sarawak juga mempunyai populasi yang ramai di Kalimantan. Manakala orang Kelabit tidak pernah merujuk asal-usul petempatan mereka dari mana-mana pun. Penulisan-penulisan lepas kerap kali menyebut secara sepintas lalu asal usul kaum Kelabit dari Kalimantan. Misalnya menurut Douglas (1907): "The Kalabits, who are scientifically I believe of the Indonesian race ..."<sup>50</sup> Sulit untuk menerima kenyataan itu memandangkan orang Kelabit sendiri tidak mengakuinya. Memang wujud sekumpulan penduduk di Kalimantan yang

JADUAL 4. Anggaran Penduduk Kelabit dan Lun Bawang  
Mengikut Daerah, 1980

Daerah/Bandar	Kelabit	Lun Bawang
Baram (Marudi)	2,200	96
Belanga	6	3
Lawas	60	7,938
Miri	860	152
Limbang	356	1,178
Kapit	4	12
Kuching	159	125
Sibu	57	222
Lain-lain Daerah	87	47
Jumlah	3,621	9,783

Sumber: *Perangkaan Malaysia* (Cawangan Sarawak), November, 1992, hlm. 17.

memiliki banyak persamaan dengan orang Kelabit. Namun orang Kelabit merujuk kumpulan tersebut sebagai Lun Potok. Justeru itu, Tom Harrisson memberi klasifikasi sebagai 'Kelabit Potok'.<sup>51</sup> Pada awalnya Tom Harrisson pernah menyebut; "The Kelabits ... inhabit the extreme headwaters of ... Kerayan, Menterang and Bahau rivers ... in Dutch Borneo."<sup>52</sup> Kemudian pada tahun 1950 dalam tulisan beliau, Tom Harrisson mengatakan:

Newly acquired Brunei manuscripts now in the Sarawak Museum suggest that the Malay elements who have long been considered 'native' to Brunei may be of comparatively late origin and that Kelabits were early 'empire builders' in the area.<sup>53</sup>

Dengan berubahnya kenyataan beliau itu telah menyebabkan hipotesis asal-usul kaum Kelabit itu terus kabur sehingga ke hari ini. Setelah meneliti sumber-sumber bertulis yang sedia ada, timbul keraguan penulis untuk menerima sumber primari khususnya melalui kaedah penyelidikan temubual.<sup>54</sup> Dalam pada itu, penulisan ini akan membicarakan kebanyakan hasil penyelidikan temutanya. Kajian ini akan berlandaskan hasil-hasil penyelidikan awal yang dibuat oleh mendiang bekas kurator Arkib Muzium Negeri Sarawak, Tom Harrisson.

Pertamanya, asal usul kaum Kelabit boleh dikaitkan dengan bukti-bukti aktiviti batu bergambar (Megalithic). Iaitu satu aktiviti manusia purba. Orang Barat mengukur zaman purba mereka berdasarkan bukti aktiviti "megalithic tombs" kira-kira tahun 3500 hingga 1000 sebelum masehi.<sup>55</sup> Orang Kelabit tradisional terkenal dalam penulisan Tom Harrisson, khususnya melalui kegiatan-kegiatan lukisan dan ukiran pada batu-batu yang masih boleh dikenal pasti di kawasan pergunungan dataran tinggi utara Negeri Sarawak. Tom Harrisson menjelaskan:

These range from massive dolmens and lines of menhirs, to circles, "bridges" and "Seats" of cut stone; elaborate small rock carvings and huge crude ones; hukan figures carved in relief or etched; stone vats and man-made rock-hollows. They are scattered over land now largely uninhabited; mountainous and wild.<sup>56</sup>

Keduanya, petempatan awal kaum Kelabit boleh juga dirujuk berdasarkan barang-barang antik yang mereka miliki, misalnya tempayan dan biji-biji manik lama (ancients beads). Bukan sahaja berusia lebih tua, barang-barang antik itu juga dikatakan tidak terdapat di lain-lain tempat di Sarawak. Tom Harrisson (1958) menjelaskan kenyataan ini bahawa:

Unfortunately ... the Kelabits still possess early Chinese ceramics as well as recent importations - Which have long been used in connection with the secondary burials and irau ceremonies ... They still wear large numbers of beads exactly matched in the C. 1000 A.D. burials at Niah sites and not in use anywhere outside the uplands.<sup>57</sup>

Sejauh pengetahuan dan usaha penyelidikan beliau ke atas orang Kelabit khususnya, Tom Harrisson (1954) mendapati bahawa mereka adalah penduduk pribumi pulau Borneo yang "the last people ... to continue to make their own 'primitive' pottery for daily use".<sup>58</sup> Pada umumnya, barang-barang antik di Sarawak kerap kali dikaitkan dari peradaban negeri China. Ini bermakna barang-barang antik itu kedapatan di mana-mana sahaja. Namun satu fakta bahawa "No Chinese beads have so far been probably identified among the valued upland Borneo ones, and no western pottery".<sup>59</sup> Ini menunjukkan memang tidak dinafikan kedapatan barang-barang antik yang tinggi nilainya, sama ada asal usulnya dari kawasan tengah negeri Thailand, atau India, mahupun Tanah Melayu, tetapi ianya kurang bernilai bagi orang Kelabit. Ini adalah kerana di kalangan orang Kelabit terdapat barang-barang antik terutamanya tempayan dan biji-biji manik yang lebih tinggi nilainya, dan tidak kedapatan dalam lain-lain suku kaum sekeliling.<sup>60</sup> Justeru itu J. Hepburn (1949) menyimpulkan bahawa sungguhpun kaum Kelabit agak tersisih di pedalaman pulau Borneo, namun "the Kelabits are wealthy ... most of their wealth is invested in jars ... probably date back to the T'ang Dynasty and ... beads are believed to be 2,000 years old."<sup>61</sup> Walau bagaimanapun, memandangkan kaum Kelabit tersebut mendiami kawasan pergunungan yang sukar dihubungi telah menimbulkan persoalan lain, iaitu bila dan bagaimanakah barang-barang antik tersebut sampai sebegitu jauh ke pedalaman di petempatan orang Kelabit? Lantaran itu penulisan akan cuba mencari sesuatu yang sekurang-kurangnya menjadi penyelesaian kepada persoalan itu. Iaitu dengan meninjau perkaitan unsur-unsur metos dalam sejarah petempatan orang Kelabit.

Orang Kelabit percaya bahawa mereka telah menetap di dataran tinggi utara negeri Sarawak itu sejak dahulu kala lagi. Dengan kata lain mereka tidak datang atau migrasi dari mana-mana kawasan lain. Mereka telah menjelaskan pendirian ini berdasarkan cerita-cerita lagenda. Yahya Talla (1979) dalam penjelasannya mengenai sebuah lagenda menyebut bahawa orang Kelabit percaya asal usul mereka di Dataran Tinggi Kelabit<sup>62</sup> itu

bermula dari kisah satu kejadian banjir yang besar (Great Flood) yang membanjiri permukaan bumi ini selama 40 hari lamanya. Dikatakan orang Kelabit telah membina sebuah rakit yang paling baik di antara suku-suku bangsa di dunia ini. Rakit mereka seperti kata Yahya Talla; "... the sturdiest raft and so floated and furthest coming to rest on the highest lands ..."<sup>63</sup> Suku-suku bangsa yang lain pula terdampar di dataran rendah kerana rakit mereka itu tidak sebaik rakit orang Kelabit. Akibat banjir tersebut telah membentuk sebuah tasik yang luas di dataran tinggi yang menjadi tapak petempatan orang Kelabit, *Dataran Bario*.<sup>64</sup> Dalam kajian seorang ahli geologi, Schneeberger (1945) mengakui bahawa dataran Bario adalah sebuah tasik pada masa yang lampau.<sup>65</sup>

Hipotesis asal usul petempatan kaum Kelabit yang berdasarkan lagenda banjir besar itu merupakan satu unsur yang lumrah di kalangan penduduk-penduduk minoriti di Sarawak. Fakta ini bukanlah merupakan satu adaptasi unsur-unsur dari Kitab Injil (dalam bahagian Kejadian 6-8; berkenaan kisah banjir besar dalam zaman Nabi Nuh)<sup>66</sup> yang telah diasimilasikan dengan persekitaran tempatan. Misalnya, kaum Penan dan Taman Man<sup>67</sup> di Kalimantan sehingga hari ini sebahagian besar bilangan mereka adalah pagan tetapi Lagenda 'Great Flood' itu wujud sebagai rujukan umum tentang asal usul mereka.

Sebuah lagenda lain yang menyebut asal usul kaum Kelabit ialah dari sebuah lembah sungai, *Pa' Brunut* di Brunei. Ini disebut dalam beberapa buah lagu rakyat (tradisional), terutamanya *adih* (lagenda) yang dipenuhi unsur-unsur dan rujukan di Brunei. Dalam kajian C. Arnold (1959) yang dipetik oleh Yahya Talla (1979)<sup>68</sup> menyebut kisah seorang pahlawan lagenda Kelabit yang bernama *Suit Meng Kui*. Sultan Brunei yang pertama bernama *Awang Samaun*<sup>69</sup> begitu menyayangi dan kagum dengan kepintaran pahlawan Kelabit tersebut. Misalnya dikisahkan bagaimana *Suit Meng Kui* membantu *Sultan Semaun* untuk menewaskan satu serangan dari Jawa, *Raden Ong Suka*. Bukan setakat menyebut perwatakan-perwatakan tersebut, terdapat watak lain seperti *Awang Hj. Ja'afar bin Semaun*, *Patai Berabai* serta hubungan perdagangan barter orang Kelabit dengan seorang saudagar Cina, *Sik Tung*. Lantaran itu, kemungkinan orang Kelabit memperoleh "valuable jars" mereka sejak pada masa tersebut.

Dalam satu ulasan mengenai sebuah lagenda yang dirakamkan oleh Tom Harrisson (1959) menyebut bahawa isteri kepada sultan Brunei yang pertama adalah dari kacukan Kelabit dan Bisaya.<sup>70</sup> Kenyataan ini juga dikaitkan dengan penggunaan gelaran-gelaran seperti *Dayang* dan *Pengiran*, yang asalnya merupakan nama-nama yang digunakan oleh orang kelabit pada masa dahulu. Dari Brunei orang Kelabit telah migrasi melalui Sungai Limbang hingga ke lembah Sungai Adang dan tersebar ke kawasan-kawasan sekitar dataran tinggi utara negeri Sarawak, iaitu berhampiran garisan sempadan Sarawak-Kalimantan. Pada masa St. John melawat kawasan pedalaman utara

negeri Sarawak dalam pertengahan abad kesembilan belas, mendapati orang Kelabit dan Lun Bawang sedang dieksploitasi oleh Sultan Brunei untuk perdagangan hamba abdi. Sementara mempertahankan haknya ke atas kedua-dua kaum tersebut, Sultan Brunei menghadapi masalah besar oleh ancaman kemaraan migrasi orang Kayan dan Kenyah dari Kalimantan ke kawasan wilayahnya, daerah Baram dalam awal abad kelapan belas. Situasi penyebaran kaum Kayan dan Kenyah serta Iban di seluruh bahagian negeri Sarawak pada masa itu telah membentuk hipotesis migrasi orang Kelabit dan Lun Bawang, yang terdesak dan terpaksa bergerak ke kawasan paling pedalaman yang tidak dapat dimasuki oleh suku kaum yang lebih besar populasinya.<sup>71</sup> Tom Harrisson menggambarkan fenomena ini dengan menyebut:

... And when I say up country I mean Up: The Kelabit living so far off, kept their way of life to themselves longest. They were driven even more into themselves and upward, in the 18th and 19th centuries, as the Kayans and Kenyahs expanded vigorously northwards and occupied nearly all the decent navigable river lives - or made them unsafe by their well - organised parties in search of land, adventure, name, booty, sex, slaves and the odd head.<sup>72</sup>

Sebahagian orang Kelabit yang mencari kawasan petempatan baru dan strategik untuk keselamatan atau perlindungan telah menduduki *patar leliu* - iaitu sebuah lembah yang terletak di hulu Sungai, *Pa' Dabpur* (dalam kawasan Bario). Manakala yang lainnya membina kampung-kampung baru di hulu sungai-sungai Pa' Kerayan dan Pa' Menterang dalam bahagian Kalimantan.

Dalam lagenda orang Kayan menyebut suku kaum Kelabit dan Kayan mendiami kawasan petempatan yang sama di Sungai Batang Kayan, di Kalimantan. Pergaduhan yang meletus di antara mereka telah membawa kepada proses migrasi ke bahagian negeri Sarawak.<sup>73</sup> Orang Kayan mengakui hanya separuh populasi Kelabit dan Kayan yang telah migrasi ke Sarawak, dan sebahagiannya masih menetap di Kalimantan.<sup>74</sup> Dalam tulisan St. John menyebut "Main Muruts" (merujuk kepada Kelabit) sebagai pembekal utama garam dan merupakan "slave dealers".<sup>75</sup> Beliau menulis semasa serangan orang Kayan ke atas kaum Lun Bawang di Limbang, mengatakan jika benar kaum Kelabit itu telah migrasi dari Kalimantan akibat desakan orang Kayan bererti Tanah Tinggi Kelabit itu tidak ada penghuninya. Walhal pada masa yang sama kaum Kelabit merupakan pedagang-pedagang garam, tembakau dan hamba abdi. Tambahan pula berdasarkan bukti sejarah yang lain, khususnya pemilikan barang-barang antik dan kesan-kesan batu bergambar jelas menunjukkan orang Kelabit telahpun wujud di petempatan mereka sekarang sejak awal lagi. Jika dilihat corak migrasi mereka didapati kaum Kayan itu telah tersebar hampir ke seluruh bahagian Negeri Sarawak, khasnya di hulu sungai Balui, Sungai Baram dan Sungai Rejang.<sup>76</sup> Malahan lebih ramai lagi yang terus menetap di Kalimantan.<sup>77</sup> Sedangkan kaum Kelabit

seperti yang telah dimaklumkan pada awal perbincangan ini hanya tertumpu di satu kawasan yang kecil sahaja, yakni Dataran Tinggi Bario. Lantaran itu, kekeliruan ini menyebabkan pengkaji-pengkaji Barat yang awal kerap kali menganggap suku kaum Lun Berian, Potok, Lun Kerayan, Sabah dan lain-lain sebagai 'Kelabit' - Kalimantan.<sup>78</sup>

Manakala kaum Kenyah pula mengemukakan legenda mereka dengan menyebut asal-usul kumpulan Orang Ulu dari Bukit Bura dalam kawasan dataran Usun Apau. Orang Kenyahlah yang pertama kali migrasi dari situ ke tempat-tempat lain di Sarawak.<sup>79</sup> Ini bertindih dengan hasil kajian Douglas (1911) yang menyebut bahawa "The Kelabits are certainly the oldest tribe of the three (kn. Kayan, Kenyah, Kelabit) in Baram".<sup>80</sup> Pada hakikatnya orang Kelabit tidak pernah menyatakan mereka ada hubungan dengan suku kaum Kayan dan Kenyah sebelum pemerintahan Brooke. Sebaliknya orang Kelabit percaya asal usul mereka di sekitar kaki Gunung Batu Lawi, iaitu di lembah sungai *Pa'Tabun*.<sup>81</sup> Kenyataan ini adalah lebih munasabah mengikut nilai-nilai sejarahnya. Misalnya masih dipercayai kewujudan kesan-kesan petempatan awal khasnya batu-batu bergambar yang telah dibincangkan pada awal tadi. Malahan semasa lawatan St. John ke lembah Adang dalam pertengahan abad kesembilan belas itu dapat menjelaskan fakta di atas. Dalam lawatan J.C. Moulton pada awal abad ini menjelaskan wujud hubungan perdagangan barter orang Kelabit dengan pedagang-pedagang Brunei. Beliau menyebut:

... Dayaks had been working gutta for several months in the Batu Lawi district and ... There they met the Brunei traders, to whom they sold most their gutta; they lived a whole year in the Kelabit house, helping the Kalabits on their farms and so earning their keep, but at the same time running further and further into debt with the Bruneis who ran fine business among the Kelabits alone.<sup>82</sup>

Kewujudan berbagai pendapat dan hipotesis mengenai asal usul petempatan awal suku kaum Kelabit telah menjadikan persoalan tersebut tidak ada penjelasan yang kukuh sehingga ke hari ini. Pendapat terakhir menjelaskan petempatan awal orang Kelabit itu di kaki Gunung Batu Lawi. Pendapat ini boleh dikaitkan dengan manuskrip muzium Brunei yang disebut oleh mendiang Tom Harrisson itu (pada awal perbincangan ini). Memang jelas bahawa pada masa sebelum zaman pemerintahan Rajah Brooke, negeri Sarawak adalah terbentuk daripada beberapa wilayah kerajaan Brunei tradisional. Pendeknya, sejarah Sarawak sebelum zaman Brooke merupakan sejarah Brunei. Dalam pada itu, Sungai Brunut yang disebutkan dalam lagenda orang Kelabit itu sebenarnya wujud di sekitar Gunung Batu Lawi.<sup>83</sup> Penjelasan yang kritikal mengenai asal usul petempatan kaum Kelabit itu amat rumit. Namun begitu, penulisan ini hanya setakat untuk mewujudkan suatu kesinambungan kepada kajian-kajian lepas, seperti kata Tom Harrisson, "The hypothesis of Kelabit history and growth which looked so good in 1945 has vanished before 1955."<sup>84</sup>

Berhubung dengan asal usul petempatan kaum Lun Bawang di Sarawak, perbincangan ini juga akan meninjau hubungan sejarah dan legenda mereka. Orang Lun Bawang mengakui moyang mereka adalah bersaudara dengan moyang orang Kelabit. Pada masa lampau kedua-dua kaum ini hidup berdekatan di kaki Gunung Batu Lawi, iaitu orang Kelabit mendiami Lembah Pa'Tabun dan orang Lun Bawang di lembah Pa' Adang. Dalam pengembaraan mereka, J.C. Moulton (1912) dan St. John (1862) mendapati kedua-dua suku kaum tersebut saling bergantung antara satu sama lain. Bukan sahaja pada faktor petempatan mereka yang berhampiran tetapi mereka dikatakan sentiasa berganding bahu terutamanya dalam menghadapi ancaman daripada musuh-musuh mereka iaitu Lun Kerayan dan Lun Berian.<sup>85</sup> Namun begitu, tiada sesiapa pun yang dapat menjelaskan bila dan mengapa mereka terpisah seperti yang kita lihat sekarang.

Sejauh pengetahuan penulis berdasarkan sumber hasil kajian yang lepas didapati kaum Lun Bawang pada asalnya merupakan penduduk yang mendiami bahagian timur Kalimantan, terutamanya di sungai-sungai Sesayap, Raya, Kerayan, Bahau dan Menterang.<sup>86</sup> Kenyataan Tom Harrisson yang dipetik oleh Crain (1978)<sup>87</sup> mengatakan petempatan kaum Lun Bawang di pedalaman Dataran Tinggi Kelabit (Tableland) hanya berlaku dalam abad era perkembangan agama Kristian (1800 A.D.). Namun ramai yang berpendapat bahawa petempatan awal mereka di Lawas Damit (pada hari ini) telah bermula lebih awal lagi. Fakta ini pula diragui oleh Deegan (1973) dan juga Crain (1978). Dalam kajian Deegan mendapati informan-informan beliau terdiri daripada generasi yang ketiga mendiami Lawas Damit. Fakta-fakta ini sudah tentu bertentangan dengan sumber-sumber generologikal yang menetapkan jarak kira-kira 25 hingga 30 tahun antara setiap generasi.<sup>88</sup> Akhirnya Deegan menyimpulkan bahawa kaum Lun Bawang mula mendiami lembah Lawas Damit itu antara sekitar tahun 1820 dan 1835. Kenyataan ini juga disokong dengan pengembaraan St. John ke lembah Adang dalam tahun 1858. Dikatakan kaum Lun Bawang mula migrasi dari lembah Adang menuju ke utara ekoran pengembangan kaum Kayan dan Kenyah<sup>89</sup> ke arah utara dan barat Negeri Sarawak.

Di samping itu ada juga pendapat yang mengatakan bahawa kaum Lun Bawang ini berasal dari Brunei. Walaupun dalam penulisannya, Tom Harrisson (1959) menyebut "... there is evidence in comparison of Brunei and Lun Dayeh folklore to pose a very early Lun Dayeh population in Brunei ..."<sup>90</sup> tetapi beliau kemudiannya mempersoalkan fakta tersebut yang dikatakan turut merangkumi populasi Islam (Melayu) di Brunei dan bukannya orang Lun Bawang dalam erti yang sebenarnya. Namun Tom Harrisson (1970) tidak meragui bahawa orang Lun Bawang adalah salah satu kaum (selain dari Kelabit dan Bisaya) yang turut memainkan peranan dan mempunyai pengaruh yang kuat di Brunei sebelum dan awal pemerintahan Kesultanan Brunei. Malah menurut beliau bahawa:



The royal house of Brunei clearly show that the first Muhamadan Sultan (1400++) was not a Malay in the Malayan sense of the word, but a local native probably a Bisaya or Kelabit-Murut ...<sup>91</sup>

Berdasarkan sebuah legenda, petempatan awal kaum Lun Bawang di sebut *Pa' Rayah* - sebuah anak sungai terdapat di hulu Sungai Bruan @ Beroewen yang mengalir melintasi Dataran Baroen di Long Nuat.<sup>92</sup> LeBar (1970) dalam catatannya mengenai legenda ini menjelaskan kehidupan dan keturunan *Yassai* (suami) dan *Berene* (isteri) di *Pa' Rayah*.<sup>93</sup> Mereka bercita-cita untuk membina sebuah lubang untuk menembusi Gunung Bangkuar.<sup>94</sup> Mereka akhirnya berjaya dan air dari *Pa' Rayah* mula mengalir keluar melalui lubang tersebut menuju Sungai Sesayap dan seterusnya ke lautan. Keluarga *Yassai* dan *Berene* telah hanyut melalui lubang tersebut kecuali salah seorang anak lelakinya. Dikisahkan kemudian, anak lelaki itu mendapat seorang isteri setelah memecahkan sebiji telur yang dijumpainya di puncak Gunung Batu Lawi. Penduduk kaum Lun Bawang berkembang pesat di lembah *Pa' Rayah* dan mula tersebar ke arah utara dan barat. Iaitu ke petempatan-petempatan mereka sekarang ini di *Pa' Kerayan*, *Pa' Bawan*, *Pa' Kurid* dan di lain-lain kawasan dalam wilayah Kalimantan, serta di Dataran Tinggi Kelabit, Ulu Trusan, Tutoh dan Lawas dalam negeri Sarawak. Malahan terdapat juga di kalangan mereka ini telah berhijrah ke Pensiangan di selatan negeri Sabah.<sup>95</sup>

Kesimpulan bahawa komuniti Lun Bawang di Sarawak itu pada asalnya merupakan penduduk Dataran Tinggi Kelabit-Kerayan. Sejak abad ketujuh belas mereka mula berhijrah ke arah lembah-lembah Limbang, Lawas, Trusan dan Baram di Sarawak serta masih ramai lagi di Kalimantan. Proses migrasi mereka ini semakin rancak apabila terdesak dengan kemaraan kaum Kayan dan Kenyah dari Sungai Batang Kayan di Kalimantan untuk mencari petempatan baru dalam abad kelapan belas di Sarawak.

#### AKTIVITI-AKTIVITI EKONOMI

Sistem ekonomi tradisonal yang diamalkan oleh suku kaum Kelabit dan Lun Bawang adalah bersifat saradiri (subsistence-economy). Di samping mengusahakan penanaman sawah padi, mereka juga giat mengusahakan pertanian huma secara pindah-randah.<sup>96</sup> Tanaman-tanaman adalah bersangkutan dengan pemakanan harian mereka seperti padi, ubi kayu, jagung, keledak dan sayur-sayuran. Lain-lain tanaman adalah tembakau, pisang, tebu, kopi, betik dan buah-buahan lain. Padi merupakan tanaman dan makanan utama. Dipercayai bahawa teknik-teknik penanaman padi oleh kaum Kelabit dan Lun Bawang itu adalah diperolehi melalui perhubungan mereka dengan pulau-pulau Filipina ataupun mungkin Indo-China? Misalnya membiarkan kerbau peliharaan mereka di dalam bendang selepas musim menuai untuk

tujuan membersihkan dan membajak tanahnya.<sup>97</sup> Orang Kelabit membenarkan air dari kawasan bukit mengalir terus ke dalam bendang mereka. R.S. Douglas (1911) berpendapat bahawa: "It is strange that these Kelabits, the wildest and furthest from civilization of all the tribes in Borneo, should be the only interior people to irrigate their fields, and therefore are able to obtain two crops of rice in the year."<sup>98</sup>

Berladang, sama ada huma ataupun sawah adalah suatu pekerjaan yang memerlukan banyak tenaga. Untuk mengerjakannya, penghuni dari suatu rumahtangga sahaja adalah tidak mencukupi. Mereka harus memperoleh bantuan dari tetangga mereka. Oleh yang demikian telah wujud suatu sistem kerjasama dengan jalan membentuk kelompok gotong-royong,<sup>99</sup> biasanya berdasarkan hubungan ketetanggaan ataupun persahabatan. Kelompok ini mungkin juga melibatkan komuniti sebuah rumah panjang, iaitu secara bergilir-gilir mengerjakan ladang setiap penghuni hingga giliran penghuni yang terakhir selesai. Secara teoritis, sebuah rumahtangga yang sedang menerima bantuan harus membayarnya kembali. Amalan ini tidak menetapkan jenis dan jumlah tenaga yang harus mewakili sesebuah rumahtangga. Sebaliknya bagi rumahtangga yang kekurangan tenaga kerja, khususnya tenaga lelaki sering mendapat bantuan secara sukarela dari tetangga-tetangganya.

Ekonomi perdagangan tukar barang (barter)<sup>100</sup> juga dijalankan oleh orang Kelabit dan Lun Bawang pada masa silam. Kaum Kelabit terkenal dengan perdagangan garam. Mereka juga menghasilkan getah jelutung, rotan dan lain-lain hasil hutan untuk perdagangan barter di pelabuhan Brunei, ataupun membayar cukai kepada kerajaan Brunei. Orang Kelabit dan Lun Bawang juga terkenal sebagai pemburu *tamadur* (badak) yang cekap.<sup>101</sup> Tanduk-tanduk badak itu menjadi bahan dagangan barter mereka dengan saudagar-saudagar dari China. Melalui perdagangan barter inilah orang Kelabit itu memperoleh barang-barang antik, khasnya tempayan mereka.

Satu aspek yang penting dalam bidang ekonomi mereka adalah pemberian nilai yang tinggi ke atas sektor perburuan dan perikanan. Perkara ini adalah pekerjaan sejangat mereka di samping bertani. Tambahan kehidupan mereka pada keseluruhannya berorientasikan kepada hutan rimba dan sungai serta kemudahan yang mudah diperolehi. Ikan merupakan sumber protin yang utama. Lokasi rumah panjang mereka kebanyakannya di tepi sungai. Keadaan ini disengajakan untuk memudahkan mereka menangkap ikan. Cara-cara menangkap ikan adalah memasang bubu, menuba dan menggunakan tombak. Kaedah *mering*<sup>102</sup> juga digunakan.

Daging babi, kerbau dan ayam walaupun sangat digemari, bukanlah merupakan makanan seharian mereka. Tetapi merupakan makanan pada waktu ada upacara-upacara adat atau pada waktu kebetulan dikunjungi tetamu tertentu dan penting. Binatang liar seperti babi hutan, rusa, pelanduk dan sebagainya adalah sumber protin sampingan atau hanya menjadi makanan


yang bersifat kadangkala sahaja. Alat-alat memburu yang digunakan ialah sumpitan, lembing dan bambu runcing. Anjing merupakan kawan berburu yang setia kepada mereka.

## INSTITUSI SISTEM SOSIAL

Perbincangan dalam bahagian ini akan menumpukan kepada sistem stratifikasi sosial, kepercayaan dan adat resam yang berkaitan dengan sistem ekonomi mereka. Institusi sistem sosial suku kaum Kelabit dan Lun Bawang memiliki persamaan yang dominan.

### STRATIFIKASI SOSIAL

Masyarakat Kelabit dan Lun Bawang tradisional membahagikan masyarakat mereka kepada tiga kelas utama.<sup>103</sup> Iaitu *Lun Paran* (aristokrat), *Lun Doo* (orang Kebanyakan) dan *Lun Ian-ada'* (orang suruhan). Berikut ialah satu hierarki sosial Kelabit dan Lun Bawang.



\* Dalam istilah Lun Bawang disebut Lun Mebala; Lun tap-tap dan Lun daat.

\*\* Wujud hanya bagi kaum Kelabit, iaitu terbentuk oleh perkahwinan campur di kalangan ketiga-tiga kelas utama itu.

*Lun paran @ Lun Mebala* - Kelas ini merupakan golongan individu yang memiliki harta benda yang banyak. Dengan kata lain, kelas yang terdiri daripada keluarga-keluarga berada; memiliki *binaweh* (pesaka) yang banyak seperti gong, *belanai* (tempayan), *Bao maun* (manik lama)<sup>104</sup>, barangan perhiasan tembaga, ternakan dan tanah ladang yang luas. Di samping itu, golongan kelas ini dirujuk sebagai golongan yang memperolehi hasil tanaman yang lumayan, mempunyai potensi kepimpinan, kebolehan berpidato, bijaksana dan pemurah. Dalam zaman memburu kepala dahulu, individu yang menonjolkan sifat-sifat keberanian biasanya daripada golongan tersebut. Kekayaan yang dimiliki mempunyai pengaruh untuk seorang individu memiliki kuasa memerintah. Malahan menjadi ketua dalam upacara kepercayaan dan adat mereka. Kelas ini juga merupakan pemilik-pemilik hamba. Tom Harrisson (1958) menggambarkan kelas Lun Paran ini sebagai;

The usual outward and visible signs of a Kelabit aristocrat is the possession ... heirlooms are the hallmarks of status, the Roll Royces of the Kelabit Uplands. They are jealously preserved and not allowed to pass into the hands of lesser mortals, at any price ...<sup>105</sup>

Di samping memiliki kekayaan harta benda, kelas aristokrat juga dilambangkan dengan aktiviti-aktiviti tradisional seperti *nu-e ulung* (memancarkan tugu yang diukir atau dihiasi), *nabang* (menggali parit dipuncak gunung), *makawang* (menebas puncak gunung) dan *irau* (perayaan). *Nabang* dan *makawang* bertujuan untuk membuat laluan atau pintu keluar bagi roh orang yang telah meninggal dunia menurut kepercayaan mereka. Manakala *irau* merujuk kepada perayaan-perayaan semasa kematian, perkahwinan, selepas menuai dan kejayaan dalam peperangan. Kedudukan seorang individu itu akan diukur berdasarkan kekerapan *irau* diadakan dan jumlah binatang ternakan serta kuantiti *borak* (minuman keras/tuak) yang dihidangkan.

Kedudukan taraf sosial kelas aristokrat dikaitkan dengan keupayaan dan kekuatan sosio-ekonomi mereka semata-mata. Dengan sokongan faktor ini membolehkan kelas ini berpotensi menjadi pemimpin komuniti mereka. Pemimpin digelar *Laih Rayah* (lelaki besar). Selain daripada kedudukan sosio-ekonomi yang mantap, pemilihan *Laih Rayah* itu adalah berdasarkan karisma yang terpuji.<sup>106</sup> Kelas aristokrat hanya merupakan sebilangan kecil daripada populasi tetapi begitu sombong dan angkuh. Mereka sentiasa bersaing di antara satu sama lain. Misalnya dalam satu-satu perayaan atau upacara, seorang itu akan mengorbankan sebanyak mungkin harta miliknya untuk tetamu-tetamu. Pada teoritisnya kelas ini dipandang seolah-olah golongan yang pemurah oleh kelas bawahan.

*Lun doo @ Lun tap-tap* - Kelas ini merupakan golongan yang hidup secara sederhana sahaja. Dalam erti kata lain, kelas ini merupakan *anak katu @ anak itin* (anak buah).<sup>107</sup> *Anak katu* begitu setia kepada arahan *Laih Rayah* mereka dan juga arahan *Lun Merar*. *Lun Merar* merupakan satu kedudukan yang diperolehi berdasarkan karisma yang terpuji sama ada di kalangan kelas aristokrat ataupun kelas *Lun Doo*. Pendeknya kelas *Lun Merar* ialah golongan pertengahan atau elit. Dalam adat Kelabit mahupun Lun Bawang, tidak wujud penetapan bahawa pucuk pemimpin itu adalah hak kelas *Lun Paran* semata-mata. Misalnya dalam keadaan tertentu kelas *Lun Doo* mempunyai kuasa penuh untuk memilih ketua mereka sendiri, terutamanya apabila ketua mereka yang asal itu kejam dan cara pentadbirannya tidak disukai. *Lun Doo* yang mencapai taraf *Lun Merar* dan dianggap *kareb-kareb*<sup>108</sup> (berkelayakan) akan dipilih sebagai *Laih Rayah* mereka. Dalam pemerintahan Brooke, istilah penghulu merujuk kepada jawatan *Laih Rayah*.

*Lun ian-ada' @ lun dat* - Kelas ini dibahagikan kepada dua iaitu *lun petabpar* dan *demulun*. *Lun petabpar* dirujuk kepada individu yang dianggap pemalas dan hanya mengharapkan belas kasihan daripada orang lain. Mereka tidak ada keinginan untuk berdikari, sebaliknya lebih suka menawarkan diri

untuk membantu dengan harapan orang yang dibantu, khasnya kelas atasan akan memberi upah, makanan dan perlindungan. *Lun petabpar* ini hidup miskin dan melarat, namun tidak semestinya terus berkeadaan sedemikian kerana peluang untuk mengubah nasib mereka sentiasa terbuka. Golongan ini pada hakikatnya jarang wujud dalam masyarakat Kelabit dan Lun Bawang.

Kelas yang terendah ialah *kelas demulun*. Kelas ini hampir sama ciri-cirinya dengan *lun petabpar* tadi. Memang kedua-duanya diarah untuk membuat kerja-kerja yang sama jenis dan bebannya, tetapi *demulun* boleh ditukar milik di antara tuan-tuan mereka. Amalan perhambaan ini wujud melalui dua cara iaitu; pertama, isteri dan anak-anak musuh yang ditawan semasa perang. Kes seumpama ini adalah sangat jarang kerana tidak berlaku amalan memburu kepala di kalangan sesama kaum Kelabit. Musuh ketat orang Kelabit ialah Lun Berian, Lun Bawang, Lun Kurid, Lun Kerayan dan lain-lain kaum kecuali kaum Saban.<sup>109</sup> Keduanya, proses kewujudan kelas *demulun* yang biasa ialah berpunca daripada masalah kesempitan hidup sesebuah rumah tangga kelas *Lun Paran* ataupun juga *Lun Doo*. Mereka sanggup menjual ahli keluarga mereka yang dianggap pemalas untuk menambah pendapatan ataupun untuk melangsaikan hutang.

Apabila menyebut tentang perhambaan, sudah tentu menggambarkan satu suasana penindasan manusia dan feudalisme. Keadaan yang sebaliknya berlaku dalam komuniti Kelabit dan Lun Bawang tradisional. Pendeknya, hamba-hamba mereka diberi layanan seperti ahli keluarga mereka. Hose dan McDougall (1966) menjelaskan:

On the whole the slaves are treated with so much mindness and consideration that they have little to complain of, and most of them seem to have little desire to be frees ... A young slave is commonly addressed by his master and mistress as "my child". A slave is seldom beaten or subjected to any punishment save scolding, and he bears his part freely in the life of the family, sharing in its labours and its recreations, its ill or its good fortunes. Nothing in the dress or appearance of the slave distinguisher him from the other members of the villages.<sup>110</sup>

Stratifikasi sosial suku kaum Kelabit dan Lun Bawang bukanlah suatu yang statik. Ini adalah kerana ia berkait rapat dengan keupayaan individu untuk memiliki darjah kuasa dalam satu aliran motivasi yang kompleks dan biasanya berkisar di kalangan kaum lelaki. Deegan (1973) menjelaskan:

... importnt here too seems to be an element of self-esteem and self-satisfaction gains through achievement. To meet these, and doubtless other, broader social requirements the Lun Bawang allow for alternative modes to more limited power through achievement.<sup>111</sup>

Untuk mencapai taraf sosial yang lebih tinggi, terdapat tiga ciri penting yang harus dimiliki melalui hubungan ekonomi dan sosial mereka. Iaitu kemahiran pertukangan (*craftsmanship*), kepetahan bercakap (*verbal skill*); dan arif mengenai adat istiadat (*ritual knowledge*). Biasanya *Lun Merar*

merupakan golongan individu yang mempunyai keupayaan dalam kerja-kerja ukiran dan membuat peralatan kerja, parang, musik, hiasan dan lain-lain. Manakala wanita mereka mahir dalam kerja-kerja menganyam tikar, menyulam manik dan lain-lain. Golongan ini juga berbakat dalam pidato, bercerita, menyampaikan lagu-lagu rakyat dan arif menjalankan upacara-upacara adat serta kepercayaan mereka.

Kaum hamba (*demulun*) juga mempunyai peluang untuk mengubah nasib mereka sungguhpun tidak memiliki keupayaan yang terdapat di kalangan kelas *lun paran* dan *lun merar*. Biasanya kaum hamba itu akan dibebaskan untuk *dawie* (blood ransom), iaitu satu adat membebaskan hamba-hamba yang dimiliki oleh tuan yang sudah meninggal dunia. *Dawie* bertujuan sebagai tanda penghormatan kepada roh si mati, dan menjadi kunci pembebasan bagi kelas *demulun*.

Di samping stratifikasi sosial yang dibincangkan diatas, terdapat sejenis kelas yang terbentuk khususnya dalam komuniti Kelabit. Iaitu kelas *pupa* (kacukan antara kelas) yang lebih merupakan satu kedudukan sosial secara klasifikasi semata-mata. Kelas ini juga jarang wujud memandangkan amalan perkahwinan antara kelas sosial yang jarang berlaku. Datan (1989) menjelaskan;

In the past, marriages between strata was unthinkable. If such a marriage occurred the offspring of such a union were given status of the lower stratum.<sup>112</sup>

Walaupun terbentuk stratifikasi sosial yang ketara dalam komuniti Kelabit dan Lun Bawang, namun tidak bermakna fenomena ini menjadi penghalang hubungan sosial mereka. Sistem strata ini hanya akan timbul dalam soal-soal perkahwinan, memilih pemimpin, upacara adat dan kepercayaan mereka. Seperti kata Hose & McDougall bahawa "... the distinction of the social strata less clearly marked, and slaves are less numerous."<sup>113</sup> Dalam erti kata lain, masyarakat Kelabit dan Lun Bawang adalah bebas untuk bergaul antara satu sama lain tanpa mengira kelas masing-masing. Mereka bersama-sama mengambil bahagian dalam setiap aktiviti penting yang diadakan. Tom Harrisson (1949) menjelaskan kenyataan ini dengan lebih baik dan jelas, khususnya tentang kaum Kelabit, katanya;

There is no such thing as an outsider in a Kelabit home. You could not be one if you tried. This way of life leads families to share food and hospitality as easily as to share talk and laughter. The Kelabit are almost overwhelmingly hospitable-unlike some river folk. Under this social surface there is a strong class structure, and slave element in the past sold or even slain like cattle.<sup>114</sup>

#### SISTEM KEPERCAYAAN

Sistem kepercayaan kaum Kelabit dan Lun Bawang itu tidaklah sesuatu fenomena yang terasing daripada suku-suku kaum Dayak yang lain di Sarawak. Sistem kepercayaan mereka pada amnya boleh dibahagikan kepada

tiga bahagian iaitu kepercayaan tentang pencipta alam; kepercayaan terhadap kewujudan hantu atau penunggu dan; kepercayaan terhadap semangat ataupun digelar *keharingan* di kalangan suku-suku kaum Dayak yang mendiami Kalimantan Tengah, Indonesia.<sup>115</sup> Walau bagaimanapun, perbincangan bahagian ini akan menekankan sistem kepercayaan kaum Kelabit, memandangkan wujud persamaan yang dominan dengan sistem kepercayaan kaum Lun Bawang. Dengan perkataan lain, penulis lebih cenderung kepada istilah-istilah kaum Kelabit.

### *Kepercayaan Tentang Pencipta Alam Semesta*

Dalam cerita-cerita metos dan legenda orang Kelabit, manusia yang pertama dibumi adalah orang Kelabit. *Guma Nepalad*<sup>116</sup> merupakan tuhan pencipta *Guyun* (iaitu manusia yang pertama) serta saudaranya yang digelar *Lun Rabada'* (leluhur manusia). *Guma* juga mencipta *Seluyah* yakni roh leluhur yang perkasa dan sentiasa berkeliaran di permukaan bumi ini. Orang Kelabit percaya bahawa lembah-lembah di permukaan bumi ini adalah kesan-kesan tapak kaki roh-roh itu. Dikatakan tubuh badannya berukuran sekitar 11 hingga 13 tinggi. Orang Kelabit pada masa silam begitu cenderung melukis pada batu-batu besar ataupun mengukirnya adalah semata-mata sebagai tanda peringatan mereka kepada *seluyah* mereka.<sup>117</sup>

*Guma* sebagai tuhan yang mempunyai kuasa tertinggi dan menentukan segala keadaan dibumi serta mewujudkan suatu hubungan erat antara manusia dengan alam sekelilingnya. *Guma* dianggap sebagai zat hidup yang tidak dapat dilihat dan tinggal di awang-awangan udara. Dia maha tahu dan boleh melihat atau mendengar segala perlakuan manusia di dunia dan di akhirat. Dengan kekuasaan dan kewibawaannya itu, dia telah mencipta alam semesta. Orang Kelabit menyebut *Guma nepalad tana'* bermaksud *Guma* mencipta bumi. Kemudahan *Guma* menentukan peraturan dan peredaran bumi, matahari, nulan dan bintang-bintang. Manusia terpaksa tunduk dan menyesuaikan diri dengan kehendak-kehendak alam sekelilingnya. Kesedaran inilah yang telah menegakkan sistem kepercayaan tradisional kaum Kelabit dan Lun Bawang, khususnya kepercayaan-kepercayaan tentang kewujudan semangat, hantu, penunggu dan mentaati amanat mimpi-mimpi mereka.

### *Kepercayaan Terhadap Semangat*

Kepercayaan kepada semangat merupakan ciri yang paling utama dan jelas dalam kepercayaan animisme kaum Kelabit dan Lun Bawang khasnya dan etnik Dayak amnya. Iaitu suatu "spirit pantheon" yang kompleks sifatnya dan "highly elaborated multi-level world of the dead" dalam kehidupan masyarakat tradisional peribumi Dayak di Sarawak<sup>118</sup> Orang Kelabit menggelarkan semangat itu dengan nama *Darayah*. Iaitu suatu semangat yang memiliki

sifat-sifat baik dan buruknya. *Darayah* perlu diberi *tatang*,<sup>119</sup> oleh pakar seperti *lun merar*. Tujuannya adalah untuk memohon pertolongan dan perlindungan. Kalau tidak, *darayah* akan menurunkan kecelakaan. Keadaan petempatan mereka yang dikelilingi oleh hutan rimba merupakan tempat kediaman berbagai jenis binatang. Dengan itu tidak hairanlah orang Kelabit dan Lun Bawang itu sentiasa terdedah kepada pengaruh binatang dalam kehidupan mereka sehari-hari. Pendedahan ini menyebabkan mereka berhubung rapat dengan binatang-binatang tertentu dan menjadikan perhubungan itu sebagai perkara yang perlu diambil berat. maka wujudlah berbagai bentuk ritual serta magis dalam kepercayaan mereka. Kepercayaan terhadap semangat pada amnya lebih berorientasikan kegiatan ekonomi atau pekerjaan harian mereka. Pada hakikatnya kepercayaan ini lebih mengongkong dan memberi keburukan daripada kebaikan dalam kehidupan orang Kelabit dan Lun Bawang pada masa dahulu. Mereka tidak dapat melakukan apa-apa tanpa adanya *alih* (petanda) yang baik. Setiap apa yang mereka hendak lakukan harus tidak bertentangan atau tidak menyakiti dan mengganggu *darayah*. Pada setiap masa mereka perlu berbaik-baik dengan *darayah* iaitu melalui beberapa bentuk ritual memberi persembahan dan korban. Misalnya membunuh seekor *laal* (ayam) dengan membiarkan darahnya menitis ke atas tubuh seorang bayi.<sup>120</sup> *alih* yang paling lazim ialah burung *ngae*<sup>121</sup> (spider hunter). Burung ini dipercayai sebagai utusan daripada *darayah*. Kalau burung tersebut melintas dari kiri ke kanan semasa atau sebelum sesuatu perjalanan dilakukan, orang Kelabit akan berpatah balik atau membatalkan sahaja perjalanan tersebut.

Dengan melanggar *alih* ini akan menimbulkan kemarahan *darayah*. Orang yang melanggar *alih* itu akan *malih* (kecelakaan), kononnya oleh *darayah*. Tetapi jika burung tersebut melintas dari kanan ke kiri mereka akan berhenti dan menunggu sebentar untuk memastikan burung tadi kembali semula dengan cepat, iaitu menunjukkan mereka boleh meneruskan perjalanan. Sebaliknya mereka terpaksa berpatah balik jika didapati burung tersebut tidak kembali semula dalam masa yang singkat. Burung helang juga merupakan *alih* yang membawa kecelakaan kepada mereka jika burung itu didapati terbang melintasi mereka sama ada sebelum atau semasa perjalanan dan semasa bekerja. Mereka harus berhati-hati dalam setiap langkah mereka kerana dipercayai burung helang itu menandakan alamat malapetaka akan menimpa mereka jika tidak berhati-hati.

Semasa membersihkan hutan untuk dijadikan tapak ladang dan secara kebetulan ternampak sejenis binatang *rabuan* (musang) di kawasan tersebut. Maka mereka harus meninggalkan ladang itu dan mencari tapak yang baru. Ringkasnya, dalam kehidupan mereka yang bergantung kepada hasil-hasil tanaman di ladang terdapat banyak halangan kepercayaan yang mengakibatkan tanaman mereka kurang berhasil atau mungkin tidak menjadi. Kewujudan berbagai-bentuk *alih* dan juga pantang larang telah menyebabkan tanaman mereka terbiar begitu sahaja tanpa pengawasan yang rapi. Kadangkala seorang



yang dalam perjalanan ke ladangnya mungkin terdengar bunyi bersin manusia lain, orang itu akan berhenti sebentar sebelum berpatah balik ataupun pergi ke tempat lain asalkan tidak meneruskan tujuan asalnya tadi. Oleh itu, sebelum melakukan suatu pekerjaan dan perjalanan, mereka perlu meninjau *alih-alih* alam seperti binatang dan sebagainya dengan tujuan untuk menghindarkan diri daripada malapetaka yang berkemungkinan akan menimpa mereka.

Di samping itu *alih* juga mempengaruhi peristiwa-peristiwa penting dalam kehidupan Kelabit dan Lun Bawang tradisional. Misalnya semasa perkahwinan, semasa perempuan mengandung dan sebagainya. Sebelum perkahwinan dilangsungkan di antara dua mempelai, jika salah seorang daripada mereka nampak binatang yang menjalar seperti ular, ulat ataupun cacing maka perkahwinan itu harus dihentikan. Ini dipercayai memberi petanda buruk terhadap perkahwinan dan masa depan mereka. Bagi perempuan yang mengandung juga pantang melihat seekor cicak atau ular kerana dipercayai anak yang bakal dilahirkan akan membawa bencana kepada keluarga. Maka bayi itu akan dikuburkan hidup-hidup sebaik sahaja ianya lahir.

### ***Kepercayaan Tentang Kewujudan Hantu atau Penunggu***

Orang kelabit dan Lun Bawang percayai bahawa alam sekitar hidup mereka itu penuh dengan makhluk-makhluk halus dan roh-roh yang menghuni benda-benda yang unik seperti batu-batu besar, pokok-pokok besar, air dan sebagainya. Mereka percayai wujudnya *bayah buda'* (buaya putih) dan *ada' benegag* (hantu naga) yang menghuni bahagian sungai tertentu khasnya, dilubuk sungai, *Tepalang idtung* (hidung terlentang) pula dipercayai penghuni bawah tanah. *Ada' belanai* pula merupakan hantu yang menghuni tempayan yang dianggap sudah maun (lama). Penunggu-penunggu itu kerap kali mengancam nyawa sesiapa sahaja yang mengganggu tempat kediamannya samada secara sengaja ataupun tidak. Misalnya sejenis pokok yang berpenunggu, *kayuh talae* tidak dapat ditumbangkan dengan apa cara sekalipun. Selain daripada itu, terdapat kepercayaan tentang hantu ataupun penunggu yang sengaja direka untuk tujuan menakutkan kanak-kanak yang nakal. Misalnya *ada' kok* (penunggu kawasan yang gelap) dan *singgunggurah* (mata merah).

Selain daripada kepercayaan tentang semangat, hantu dan penunggu itu, orang Kelabit tradisional amat percaya terhadap mimpi-mimpi baik atau buruk.<sup>122</sup> Bagi mereka yang mengalami mimpi-mimpi buruk harus mengadakan upacara *ngelua* dengan *tatang* yang tertentu. Sama ada seekor babi atau ayam akan dikorbankan dan membiarkan darahnya melumuri tangan kiri setiap anggota keluarganya. Manakala anggota keluarga yang tidak hadir boleh diwakili oleh saudaranya. Darah itu dibiarkan kering selama dua atau tiga hari.

Mimpi juga memainkan peranan penting dalam membuat ramalan masa depan. Mimpi-mimpi dipercayai sebagai petanda-petanda kepada peristiwa-peristiwa yang boleh dialami oleh orang yang mengalami mimpi itu. Misalnya seorang yang bermimpi salah satu ahli keluarganya telah meninggal dunia. Mimpi itu membawa makna orang yang bermimpi itu akan memperoleh seekor *baka* (babi hutan) jika dia pergi berburu pada keesokan harinya. Umur orang itu boleh diukur berdasarkan saiz *baka* tersebut.

Kepercayaan tentang alam akhirat juga wujud. Misalnya bila seorang lelaki meninggal dunia, sebilah parang akan dikuburkan bersamanya. Manakala bagi seorang wanita yang meninggal dunia pula akan disertakan sebuah *belu'ing* (suatu alat merumput) dalam kuburnya. Alat-alat tersebut dipercayai sebagai bekalan untuk roh-roh mereka yang meninggal dunia bagi meneruskan fungsi masing-masing di alam akhirat.

Orang Kelabit dan Lun Bawang juga percaya kepada amalan *abpub* (ilmu sihir). Sebenarnya ilmu ini bagi orang Kelabit adalah suatu unsur yang diperolehi daripada hubungan mereka dengan kaum Lun Bawang, Kayan, Kenyah dan lain-lain. Walau bagaimanapun dikatakan terdapat seorang penghulu Kelabit, Tiri @ Raja Umong adalah salah seorang daripada *dayung* ataupun *bungan* (bomoh) yang berilmu di Kepulauan Borneo sekitar tahun 1940an. Namun beliau mati akibat keracunan semasa tidurnya oleh anak muridnya, seorang Melayu dari Brunei.<sup>123</sup> *Dayung* berperanan sebagai pakar perubatan tradisional. Kadangkala kepakaran mereka juga sering disalahgunakan untuk membinasakan orang lain.

#### AMALAN-AMALAN TRADISIONAL

Perbincangan ini cuba meninjau beberapa contoh amalan yang umum dan ketara sahaja, misalnya *irau borak* (pesta minum-minuman keras). *Borak* ataupun tuak bagi orang Iban adalah sejenis minuman yang diperbuat daripada beras pulut. Boleh dikatakan *borak* menjadi suatu unsur yang terpenting dalam kehidupan harian bagi orang Kelabit dan Lun bawang. Akibat tabiat meminum borak inilah menyebabkan berlaku banyak kematian pada suku awal dan pertengahan abad ke dua puluh di kalangan masyarakat tersebut. Misalnya seorang penulis barat, Heyward (1963) menjelaskan

... There was vicious drinkers, and bouts would go on for weeks. This practice was guaranteed to make the health situation even worse, and though it seems that their drinking habits are not quite as undisciplined now as they use to be, there are those who have attributed the decline in Murut population to their "drinking themselves to death."<sup>124</sup>

*Irau borak* akan diadakan untuk hampir setiap peristiwa dalam kehidupan mereka. Misalnya pada masa selepas kerja gotong-royong, semasa kematian dan pengkebumian, perkahwinan dan terutamanya *irau* (perayaan) yang diadakan sebaik sahaja musim menuai selesai.

Apabila seseorang telah meninggal dunia, maka diadakan *borak ate* untuk menandakan upacara pengkebumian peringkat pertama (secondary burial). Mayat akan dikebumikan dalam sebuah tempayan dan ditutup. Bahagian bawah tempayan tersebut akan ditebuk untuk dicacah dengan sebatang buluh sebagai saluran najis keluar masuk ke dalam tanah. Biasanya tempayan yang mengandungi mayat itu akan disimpan dalam rumah atau diletak setinggi dua kaki daripada lantai, untuk tempoh 2 hingga 10 tahun. Kemudian *borak nulang* akan diadakan. Upacara ini ditandakan dengan mengumpul semua tulang daripada tempayan tersebut dan dimasukkan dalam tempayan yang khusus dan lebih kecil saiznya untuk dikuburkan ditempat *menatuh* (suatu tempat kuburan yang tetap). Sementara itu upacara *kawang* dan *nabang* diadakan sebagai satu simbolik yang dipercayai memandu perjalanan roh si mati ke alam akhirat. Setiap upacara yang disebut di atas akan diserikan dengan kuantiti borak yang banyak atau bergantung kepada kemampuan keluarga si mati.

*Ngerupan* adalah sejenis gotong royong yang diadakan. Perkataan *ngerup* bermaksud minum. Oleh itu pada setiap *ngerupan* diadakan sama ada membersihkan tapak ladang ataupun menuai, keluarga yang sedang dibantu itu akan menghidangkan *borak* kepada anggota-anggota yang terlibat.

*Borak* juga merupakan minuman penting yang harus diadakan semasa majlis perkahwinan, semasa upacara memberi nama dan menukar nama,<sup>126</sup> disebut sebagai *borak lua*.

Amalan pekapol atau apa yang disebut sebagai ngayap di kalangan kaum Iban juga wujud dalam komuniti tradisional *Kelabit*. Sungguhpun *pekapol* itu mempunyai persamaan tujuannya dengan konsep amalan ngayap tetapi ianya berbeza dari segi pelakunya. Dalam masyarakat Iban; seorang teruna akan secara diam-diam pergi berbincang (*date*) dengan seorang gadis sama ada dia setuju untuk mengahwininya. Sebenarnya tujuan *ngayap* atau *pekapol* itu tidaklah melibatkan hubungan seks. Amalan itu hanya sebagai suatu peluang untuk golongan yang muda mencurahkan perasaan mereka kepada pasangannya dan mengajaknya tidur bersamanya. James Barclay (1980) telah merekodkan tentang amalan itu menyebut

It was entirely up to the girls to initiate romances. this was done by the girl deciding who she would like to sleep with and making her way with a piece of smouldering tobacco as a light to wherever the boy was sleeping, tapping him on the shoulder and saying how about it ... If the boy wanted to marry the girl then he would consent to her sleeping with him. However, if he did'nt want to marry her, he should send her away ...<sup>127</sup>

Selain daripada itu, kadangkala ibu kepada seorang gadis membenarkan seorang teruna untuk tidur dengan anak gadisnya.<sup>128</sup> Biasanya keadaan ini berlaku semasa didatangi oleh tetamu yang istimewa. Mungkin tujuannya adalah untuk mereka berkenalan sahaja? Memang benar dan diakui tujuan baik amalan tersebut serta tidak berlaku perkara-perkara yang sumbang.

Buktinya tidak berlaku anak-anak luar nikah dalam komuniti tersebut.<sup>129</sup> Dalam kata lain, masyarakat tradisional Kelabit itu taat dan hormat kepada adat resam mereka.

## KESIMPULAN

Suku kaum Kelabit dan Lun Bawang mempunyai hubungan yang rapat. Mereka menjadi penghuni yang penting di lembah-lembah pendalaman di utara Negeri Sarawak. Kedua-dua kaum ini terkenal dalam penulisan-penulisan lepas sebagai golongan petani desa yang mahir dan merupakan pengeluar hasil pertanian padi yang terbanyak di Sarawak.

Walau bagaimanapun, kedua-duanya, juga merupakan penduduk Pulau Borneo yang memiliki nilai-nilai masyarakat Pagan yang kritikal. Misalnya, dalam upacara pengkebumian, kadangkala seorang hamba akan dibunuh ataupun mungkin dibebaskan. Lain-lain amalan seperti menanam hidup-hidup bayi yang baru lahir kerana dipercayai bertentangan dengan kehendak kepercayaan animisme mereka. Sistem kelas sosial yang wujud tidak menghalang hubungan animisme mereka. Sistem kelas sosial yang wujud tidak menghalang hubungan yang rapat antara setiap anggota komuniti mereka. Mereka sama-sama terlibat dalam setiap aktiviti penting dalam komuniti mereka seperti upacara-upacara perkahwinan, kematian, menuai dan sebagainya. Mereka juga terkenal sebagai sebahagian kumpulan masyarakat Sarawak tradisional yang menggemari minuman keras. Dalam perayaan atau upacara-upacara penting biasanya mereka akan menghidangkan minuman keras (borak) dalam kuantiti yang banyak (beberapa buah tempayan) yang mengambil masa tidak kurang daripada tiga hari untuk menghabiskannya. Pendek kata, kaum Kelabit dan Lun Bawang sebelum menjadi penganut agama Kristian merupakan satu kumpulan masyarakat yang benar-benar mundur dan tersisih daripada unsur-unsur moden.

## NOTA

<sup>1</sup>Asalnya merujuk kepada kaum Iban dan Bidayuh. Pada masa kini klasifikasi Dayak dalam bentuknya yang umum turut merangkumi kumpulan-kumpulan pribumi minoriti.

<sup>2</sup>Masyarakat bermaksud satu kumpulan individu yang saling bergantung antara satu sama lain. Sesebuah masyarakat itu mempunyai budaya yang tersendiri yang terdiri daripada institusi-institusi seperti seni tarian yang khusus, upacara perkahwinan, pemakaian dan permakanan yang berbeza dengan sebuah masyarakat lain.

<sup>3</sup>Menurut Perlembagaan Persekutuan dalam Perkara 161A, Fasal 6, menyebut: Bumiputera ertinya (mengenai Sarawak) seseorang warganegara dan ianya adalah seseorang dari mana-mana satu kaum asli negeri itu atau ianya adalah seorang yang berketurunan campuran yang berasal hanya daripada kaum-kaum itu. Berdasarkan Fasal 7 menyebut; kaum-kaum yang akan disifatkan sebagai asli bagi Sarawak bagi maksud-maksud Takrif "bumiputera" dalam Fasal 6 adalah Bukitan, Bisanya, Dusun,

Dayak Laut (Iban), Dayak Darat (Bidayuh), Kedayan, Kelabit, Kayan, Kenyah (termasuk Sabup dan Siepng), Kajang (termasuk Sekapan, Kejaman, Lehanan, Punan, Tanjung dan Kanowit), Lugat, Lisum, Melayu, Melanau, Penan, Sian, Tagal, Tabun dan Ukit (atau seorang yang berketurunan campuran yang berasal secara eksklusifnya dari kaum tersebut). Lihat *Perlembagaan Persekutuan*, (Hingga 5hb. November, 1990), Kuala Lumpur: IL BS, 1990, hlm. 247

<sup>4</sup>R. Needham, "A Note on the Ethnic Classification in Borneo," *JMBRAS*, Vol. 28(1), 1955, hlm. 167.

<sup>5</sup>Hashim bin Awang A.R., "Masalah Mengklasifikasi Penduduk bumiputra Sarawak: Satu Catatan Ringkas", dalam *Malaysia dari Segi Sejarah*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, No. 10. 1981, hlm. 75.

<sup>6</sup>Robert Pringle, *Rajahs and Rebels: The Iban of Sarawak under Brooke Rule, 1841-1941*, London: MCMillan & Co. Ltd., 1972, hlm. 19-20.

<sup>7</sup>H.S. Morris, "The Coastal Melanau" dalam Victor T., *Essay on Borneo Societies*, London: Oxford University Press, 1978, hlm. 39; Jayl Langub, "Ethnic Self-Labeling of Murut or Lun Bawang of Sarawak", dalam *SOJOURN: The Study of Ethnicity in Southeast Asia*, Vol. 22(2), Singapore: Institute of Southeast Asia Studies, 1987, hlm. 290.

<sup>8</sup>Tom Harrison, "Origins and Attitudes of Brunei Tutong-Belait-Bukit Dusun-North Borneo "Dusun" and Sarawak "Bisayan"; Meeting and Other Peoples", *SMJ*, Vol. 8(11) 1958, hlm 296.

<sup>9</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland, Sarawak*, Unpublished *Theses of Anthropology Department*, Universiti Sains Malaysia, Penang, 1979, hlm. 5.

<sup>10</sup>Joseph Ko Tee Hock, "Minor Indigeneous Groups in Sarawak", *SG*, Vol. CXIII, No. 1501, 1987, hlm. 32.

<sup>11</sup>James C. Jakson, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam Tentang Sebuah Negeri yang Sedang Membangun*, (Terjemahan) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm. 8.; Majalah *Wings of Gold: The Flight Magazine of Malaysia Airlines*, August, 1991, hlm. 30.

<sup>12</sup>F.M. LeBar, ed., *Insular Southeast Asia: Ethnographic Studies: Borneo and Maluccas*, New Haven: HRAF Press, 1972, hlm. 159.

<sup>13</sup>D.J. Prentice, "The Murut language of Sabah", *SMJ*, Vol. XXIII(44), 1975, hlm. 309.

<sup>14</sup>D.J. Prentice, "Idahan Murut" dalam F. LeBar, ed., *Insular Southeast Asia*, hlm. 167-68.

<sup>15</sup>C.H. Southwell, "Structure of Murut Language", *SMJ*, Vol. 5, 1949, hlm. 104-05

<sup>16</sup>Spencer St. John, *Life in the Forest of the Far East*, Vol. 2, London: Smith, Elder & CO., 1862, hlm. 126; O.F. Ricketts, "The Muruts of the Trusan River", dalam A. Richards, *The Sea Dayaks*, hlm. 367-78.

<sup>17</sup>James Barclay, *A Stroll through Borneo*, London: Hodder and Stoghton Ltd., 1980, hlm. 142.

<sup>18</sup>Jaayl Langub, "Ethnic Self-Labeling of Murut", hlm. 291.

<sup>19</sup>*Ibid*, hlm. 292.

<sup>20</sup>C.Ermen, "Tribal name on the Limbang River", *SMJ*, Vol. 1(1), 1911, hlm. 149

<sup>21</sup>Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 44 (nota kaki).

<sup>22</sup>Jay B. Crain, "The Lun Dayeh", dalam Victor T. King, *Essay on Borneo Societies*, London: Oxford University Press, 1978, hlm. 123-144.

<sup>23</sup>Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 44 (nota kaki)

<sup>24</sup>Jayl Langub, "Ethnic Self-labelling of Murut", hlm. 295.

<sup>25</sup>*Ibid*, hlm. 297.

<sup>26</sup>James. L. Deegan, *Change among the Lun Bawang: A Borneo People*, Ph.D. Dissertation of Anthropology Department, University of Washington, 1973, hlm. 23.

<sup>27</sup>James L. Deegan, "Community Fragmentation of Lun Bawang". *SMJ*, Vol. 22(43) 1974, hlm. 229; A Bolang & Tom Harrisson, "Murut and Related Vocabularies", *SMJ*, Vol. 5, 1949, hlm. 116-124; C.H. Southwell, "Structure of the Murut Language," hlm. 104-115; C. Hose & W. McDonald, *The Pagan Tribes of Borneo*, Vol. 1, London: Frank Cass & Co. Ltd, 1966, hlm. 266.

<sup>28</sup>Steven Runciman, *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*, London: Cambridge University Press, 1960, hlm. 6.

<sup>29</sup>T.G. Babcock, "Indigenous Ethnicity in Sarawak" *SMJ*, Vol. 22(43), 1974, hlm. 194.

<sup>30</sup>Peter Metcalf, "The Distribution of Secondary Treatment of the Dead in Central North Borneo", *Borneo Research Bulletin*, Vol. 7(3), Sept., 1975, hlm. 57.

<sup>31</sup>R. Needham, "A Note on Ethnic Classification in Borneo", hlm. 169.

<sup>32</sup>(Tanpa pengarang), *Adat Resam Penduduk Sarawak*, Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke 25 Sarawak Merdeka Dalam Malaysia, 1988, hlm. 217.

<sup>33</sup>Ding Seling & Jayl Langub, "Introduction", *SMJ*, Vol. XL, 1989, hlm.2.

<sup>34</sup>Ding Seling & Jayl Langub, "The Orang Ulu: An Overview", *SMJ*, Vol. XL, 1989, hlm. 20.

<sup>35</sup>Gerawat Galla & James Luhah Wan Ding, "Orang Ulu Customary Laws Orang Ulu Customary Code of Fines", *SMJ*, Vol. XL, 1989, jlm. 305.

<sup>36</sup>Ding Seling & Jayl Langub, "The Orang Ulu: An Overview", hlm. 20.

<sup>37</sup>Informan-informan yang ditemubual (khusus orang Kelabit) memberi pengertian yang umum tentang konsep Orang Ulu. Ini adalah kerana orang kelabit mahupun Lun Bawang tidak semestinya menetap di sesebuah sungai. Konsep tersebut timbul untuk kepentingan politik bagi kumpulan minoriti di Sarawak pada hari ini.

<sup>38</sup>Penggunaan istilah "Kalabit" oleh Hose telah menimbulkan persoalan? Mungkin pernyataan beliau itu merujuk kepada orang Kelabit, Saban, Lun Bawang dan lain-lain? [C.Hose, "The natives of Borneo (Baram)"]", dalam A. Richards, *The Sea Dayaks and Other Races of Sarawak: Contributions to the Sarawak Gazette between 1888 and 1930*, Kuching: Borneo Literature Bureau, 1963, hlm. 347-67). Kerana tiga tahun kemudian, beliau telah dikategorikan Kelabit, Kerayan, Sabah etc dalam istilah "Murut", yang dianggarkan lebih kurang 250,000 orang daripada jumlah 2 juta orang penduduk Sarawak pada ketika itu. Rujuk C. Hose & W.McDougall, *The Pagan Tribes of Borneo*, hlm. 31.

<sup>39</sup>Tom Harrisson, "The people of Sarawak, V and VIII: The Kelabits and Murut", *SG*, Vol. LXXXIV, 1958 hlm. 188.

<sup>40</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm. 10.

<sup>41</sup>J.Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, Singapore: Malaya Publishing House, 1949, hlm. 17.

<sup>42</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm. 10.

<sup>43</sup>Sekolah menengah kerajaan Bario yang ditubuhkan pada tahun 1967 di Bario hanya menyediakan pelajaran bagi peringkat sekolah menengah rendah (L.C.E. @ Sijil Rendah Pelajaran). Biasanya pelajar-pelajar yang lulus SRP akan melanjutkan pelajaran ke peringkat M.C.E. & Sijil Pelajaran Malaysia dibandar Marudi. Ataupun

bagi mereka yang mendapat kelulusan yang cemerlang akan dihantar ke Kolej Tunku Hj. Bujang di Miri.

<sup>44</sup>Anggaran ini dibuat oleh penulis sendiri memandangkan ketiadaan statistik yang khusus mengenai populasi tersebut setakat ini. Ini diperolehi berdasarkan purata pertambahan sebanyak 37.7 peratus bagi selang sepuluh tahun, iaitu 1960-70-80-90 yang disesuaikan kepada sumber anggaran tahunan penduduk Sarawak yang sedia ada.

<sup>45</sup>Anggaran yang dibuat oleh Tom Harrisson ini turut merangkumi sebahagian populasi Murut di bahagian selatan negeri Sabah. Lihat Tom Harrisson, "Explorations in Central Borneo", *The Geographical Journal*, Vol. CXIV (4-6), London: The Royal Geographical Society, October-December, 1949, hlm. 141.

<sup>46</sup>J. Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, hlm. 16

<sup>47</sup>*Ibid*

<sup>48</sup>K.G. Tregonning, *North Borneo*, London: Her Majesty's Stationery Office, 1960, hlm. 164-66.

<sup>49</sup>Tom Harrisson, *The Peoples of Sarawak*, Kuching: Government Printing Office, 1959, hlm. 39.

<sup>50</sup>R.S. Douglas, "A Journey into the Interior of Borneo to Visit the Kelabit tribes", *JMBRAS*, Vol. 49, 1907, hlm. 53.

<sup>51</sup>Tom Harrisson, "Japan and Borneo: Some Ceramic Parallels?", *SMJ*, Vol VIII (10), 1957, hlm. 104; Tom Harrisson & Penghulu Balang Siran, "Unexplained Kalimantan Murut-Kelabit Boards and Burial Rites", *SMJ*, Vol. XIII(17), 1966, hlm. 336.

<sup>52</sup>Tom Harrisson, "Singing Pre-History", *JMBRAS*, Vol. 22(1), 1949, hlm. 23.

<sup>53</sup>Tom Harrisson, "Outside Influences on the Upland Culture of Kelabits of North Central Borneo", *SMJ*, Vol. XL(4), 1954, hlm. 117.

<sup>54</sup>Khususnya dengan informan utama, tepu' Nabad Bala (dalam lingkungan usia 90an) - mengenai kehidupan tradisional (Pagan) kaum Kelabit.

<sup>55</sup>Tom Harrisson & Stanley J.O. Connor, *Gold and Megalithic activity in Prehistoric and Recent West Borneo*, New York: Southeast Asia Programme Department of Asia Studies, Cornell University, 1970, hlm. 193.

<sup>56</sup>Tom Harrisson, "A Living Megalithic in Upland Borneo", *SMJ*, Vol. VIII (12), 1958, hlm. 695.

<sup>57</sup>*Ibid*, hlm. 700

<sup>58</sup>Tom Harrisson, "Outside Influences on the Upland Culture", hlm. 110.

<sup>59</sup>*Ibid*, hlm. 111.

<sup>60</sup>*Ibid*.

<sup>61</sup>J. Hepburn, *The Handbook of Sarawak*, hlm. 17.

<sup>62</sup>Dalam penulisan-penulisan lepas merujuk dataran ini sebagai "Tableland" dan "Kelabits Upland @ Upland Borneo" oleh T. Harrisson (1949, 1958); "Kelabit Plateau" oleh C. Hose (1926); dan "Kelabit-Kerayan Highland of North Central Borneo" oleh F.M. LeBar (1970).

<sup>63</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm. 13-4.

<sup>64</sup>Bario-bermaksud angin. Iaitu satu nama yang dikaitkan dengan iklim yang sejuk oleh tiupan angin dari setiap arah gunung-gunung di sekeliling. Dalam masyarakat tradisional ia lebih dikenali sebagai *Lam Baa* (in the water). *Pa' Merario* ialah sebuah anak sungai yang mengalir di tengah-tengah petempatan tersebut. Pendeknya, *Ba* - dalam pengertian yang luas adalah lembangan air/sungai; dan *rio* - dipetik dari nama

sungai Merario. Tom Harrisson juga menggelarnya Dataran Bah. Lihat Tom Harrisson, *World Within: A Borneo Story*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm. 4.

<sup>65</sup>W.F. Schneeberger, "Kerayaan-Kelabit Highland of Central Northeast Borneo", *The Geographical Review*, Vol. XXXV, 1945, hlm. 556.

<sup>66</sup>*Alkitab*, Jakarta: Lembaga Alkitab Indonesia, 1988, hlm. 14-6.

<sup>67</sup>Victor T.King, "Main Outlines of Taman Oral Tradition", *SMJ*, Vol. XXIII(44), 1975, hlm. 153.

<sup>68</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm. 17.

<sup>69</sup>Dalam legenda orang Bisaya, Sultan Brunei yang pertama adalah bernama Alak ber Tata @ Awang Bertata dan asalnya seorang pahlawan Bisaya yang berjaya. Walhal timbul persoalan bagaimana seorang berstatus hamba boleh menjadi sultan? Lihat A.E. Lawrence, "Stories of the First Brunei Conquest on the Sarawak Coast", *SMJ*, Vol. 1(1), 1911, hlm. 120-24; dan C. Hose & W. McDougall, *The Pagan Tribes of Borneo*, hlm. 18.

<sup>70</sup>Tom Harrisson menyebut "It is clear, also from folklore and even a superficial study of their culture that these are a relatively early people (Bisaya) in the area, in the sense as the Kelabit are "early" further inland. Lihat Tom Harrisson, "Some origins and Attitudes of Brunei", hlm. 320.

<sup>71</sup>Steven Runiman, *The White Rajah*, hlm. 7.

<sup>72</sup>Tom Harrisson, *The People of Sarawak*, hlm. 188.

<sup>73</sup>Seorang pemuda Kelabit Kalimantan memperalatkan seorang pemuda Kayan untuk membalas dendamnya ke atas seorang pemuda Kelabit Sarawak. Lihat Usun Ngau, "Kayans and Kelabits struggle", *SG*, Vol. XCIV, 1968, hlm. 81.

<sup>74</sup>Philip Ngau, "Kenyah in Baram", *SG*, Vol. 92, 1966, hlm. 81.

<sup>75</sup>Spencer St. John, *Life in the Forest*, hlm. 127.

<sup>76</sup>Benedict Sandim, "The Traditional Folklores of the Kayan of Upper Rejang", *SMJ*, Vol. XXIII(44), 1975, hlm. 53.

<sup>77</sup>Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 251.

<sup>78</sup>Lihat nota kaki nombor 38.

<sup>79</sup>Philip Ngau, "Kenyah in the Baram", hlm. 96.

<sup>80</sup>R.S. Douglas, "A Comparative Vocabulary of the Kayan, Kenyah and Kelabit Languages", *SMJ*, Vol. 1(1), 1911, hlm. 75.

<sup>81</sup>Temubual dengan informan tepu' Nabad Bala pada 20hb. Mei 1993. Tom Harrisson telah mengesahkan kewujudan Pa'Tabun pada tahun 1960an. Lihat Tom Harrisson, "Megalithic of Central Borneo and Western Malaya, Compared", *SMJ*, Vol. 10(19-20), 1962, hlm. 378.

<sup>82</sup>J.C. Moulton, "An Expedition to Mount Batu Lawi", *JMBRAS*, Vol. 63, 1912, hlm. 50.

<sup>83</sup>Temubual dengan tepu' Nabad Bala pada 20hb Mei, 1993.

<sup>84</sup>Tom Harrisson, "Outside Influence, hlm. 118-19.

<sup>85</sup>J.C. Moulton, "An Expedition to Mount Batu Lawi", hlm. 38.

<sup>86</sup>R. Needham, "A note on some Murut kinship terms", *JMBRAS*, Vol. 28(1), 1955.

<sup>87</sup>Jay B. Crain, "The Lun Dayeh", hlm. 124.

<sup>88</sup>James L. Deegan, *Change among The Lun Bawang*, hlm. 162.

<sup>89</sup>*Ibid.*, hlm. 165.

<sup>90</sup>Tom Harrisson, *The People of Sarawak*, hlm., 57.



<sup>91</sup>Tom Harrisson, *The Malay of South West Sarawak before Malaysia*, Glossgow: University Press, 1970, hlm. 122; diakui oleh T.E. Smith & John Bastin, Malaysia, London: Oxford University Press, 1967, hlm. 23.

<sup>92</sup>F.M. LeBar, "Legend, Culture, History and Geomophology in the Kelabit-Kerayan Highlands of North Central Borneo", *JMBRAS*, Vol. 43(1), 1970.

<sup>93</sup>W.; F. Schneeberger, "Kerayan-kelabit Highland", hlm. 556.

<sup>94</sup>W.R.T. Clement tidak memberi nama gunung tersebut dalam catatannya mengenai legenda tersebut, rujuk tulisannya "The Origin of the Murut", *SMJ*, Vol. 1(1), 1911, hlm. 133-135; LeBar (1970) merujuk Pa'Rayah sebagai satu petempatan. Manakala Clement merujuk istilah Pa'Rayah sebagai banjir besar (great flood), dalam erti kata lain adalah sebuah tasik yang terbentuk akibat kejadian banjir besar tersebut.

<sup>95</sup>F.M. LeBar, "Legend, Culture, History", hlm. 183.

<sup>96</sup>Mereka tidak mengusahakan sesebuah kawasan kering itu lebih dari tempoh setahun, tetapi akan mencari kawasan yang baru untuk tahun seterusnya. St. John menyifatkan mereka itu lebih memerlukan tanah yang baru ataupun kesuburan hutan dara lebih menarik perhatian mereka. Lihat Spencer St. John, *Life in the Forest of the Far East*. Vol. 1, London: Smith, Elder & Co., 1862, hlm., 27.

<sup>97</sup>C.Hose & W. McDougall, *The Pagan Tribes of Borneo*", hlm. 97-98

<sup>98</sup>R.S. Douglas, "An Expedition to the Bah Country Central Borneo", *SMJ*, Vol. 1(2) 1912, hlm. 20.

<sup>99</sup>Terdapat dua bentuk: *Baya'* (secara menetapkan bahagian yang perlu dikerjakan oleh setiap anggota mengikut ukuran luas tertentu): dan *Pemalui* (bertujuan untuk menjadikan anggota yang sedang menerima bantuan itu berhutang dan harus membayarkan kembali secara *mebpal* - iaitu *melalui* semua anggota yang belum di bantu sejak gilirannya yang terakhir).

<sup>100</sup>Syed Idrus Syed Ahmad & R. Sunthiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 13.

<sup>101</sup>J.C. Moulton, "An Expedition to Mount Batu Lawi", hlm. 41.

<sup>102</sup>Sejenis bentuk bubu yang ditahan pada benteng yang dibina pada alur sesebuah sungai, biasanya pada bahagian alur yang curam atau air terjun.

<sup>103</sup>Evelyn Hong, *Native of Sarawak: Survival in Borneo*, Penang: Institut Masyarakat, 1987, hlm. 12.

<sup>104</sup>Nilai tempayan diukur berdasarkan umur, corak, ukiran, bentuk dan saiz serta bunyi apabila ditepek. Manakala biji-biji manik diukur berdasarkan corak dan bentuknya.

<sup>105</sup>Tom Harrisson, "The people of Sarawak", hlm. 189-190.

<sup>106</sup>Individu yang biasanya dipilih mempunyai syarat kelayakan seperti: sifat-sifat kepimpinan - sopan santun, berani, ramah-tamah, arif dalam soal adat dan upacara kepercayaan. Penentuan terakhir ialah mengukur jumlah dan umur tempayan (Paling tua diantara semua) yang dimiliki.

<sup>107</sup>Jay B. Crain, "The Lun Dyeh", hlm. 135-36; James L. Deegan, *Change among the Lun Bawang*, hlm. 138-52.

<sup>108</sup>Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm. 90.

<sup>109</sup>Temubual dengan informan *Tepu'* Nabad Bala pada 20hb. Mei, 1993.

<sup>110</sup>C. Hose & W. McDougall, *The Pagan Tribes of Borneo*, hlm. 72.

<sup>111</sup>James L. Deegan, *Change Among the Lun Bawang*, hlm. 138.

<sup>112</sup>Ipoi Data, "A Brief Ethnography of teh Lun Bawang of Sarawak", *SMJ*, Vol. XL(61), 1989, hlm. 149.

<sup>113</sup>C. Hose & W. McDougall, *The Pagan Tribes of Borneo*, hlm., 82

<sup>114</sup>Tom Harrisson, "Explorations in Central Borneo", hlm. 114.

<sup>115</sup>Prof. Dr. Koentjaraningrat, *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, Jakarta: Penerbit Djambatan, 1979, hlm. 137.

<sup>116</sup>Kaum Lun Bawang mengggelarnya dalam istilah mereka sendiri sebagai Rang Dungo.

<sup>117</sup>Diakui dalam temubual dengan informan *tepu'* Nabad Bala. Sila rujuk Yahya Talla, *The Kelabit of the Kelabit Highland*, hlm., 265-66; Hedda Morrison, *Sarawak*, Singapore: Times Books International, 1957, hlm. 562.

<sup>118</sup>Robert Pringle, *Rajahs and Rebels*, hlm. 17.

<sup>119</sup>Kadang-kala dalam istilah *dawar* yang bermaksud memanggil dengan jampi serapahnya. Tatang atau *dawar* ini dilakukan melalui upacara *ngelua'*, suatu upacara untuk memohon restu dan perlindungan *darayah*.

<sup>120</sup>Pengorbanan seumpama itu dipercayai dapat mententeramkan kemarahan atau memohon restu darayah. Lihat Marcus Raja, *A Socio-economic Study of the Kelabits in Sarawak Unpublished Theses of Geography Department, University of Malaya, Kuala Lumpur*, 1978, hlm. 85.

<sup>121</sup>*Ngae* bermaksud belas kasihan dalam dialek Kelabit. *Ngae* ialah burung "spider hunter" atau dalam dialek Lun Bawang disebut sebagai *mengae*. Lihat J.C. Moulton, "An Expedition to Mount Batu Lawi", hlm. 49.

<sup>122</sup>Orang Lun Bawang juga mengambil berat terhadap mimpi-mimpi mereka.

<sup>123</sup>Temubual dengan *tepu'* Nabad Bala pada 20 Mei, 1993.

<sup>124</sup>Nigel Heyward, *Sarawak, Brunei and North Borneo*, Singapore: Eastern University Press Ltd., 1963. hlm. 47.

<sup>125</sup>Bagi mereka yang berkemampuan, biasanya menggunakan tempayan. Manakala mereka yang tidak berkemampuan pula menggunakan keranda diperbuat daripada kayu dan diukir dalam berbagai bentuk mengikut kelas sosial masing-masing.

<sup>126</sup>Nama bukan sahaja dipercayai penentu nasib tetapi juga sebagai lambang sosio-ekonomi dan tingkahlaku seseorang itu. Misalnya bagi keluarga yang selepas menimang anak sulung akan menukar nama mereka untuk membentuk satu nama keluarga yang tersendiri. Amalan ini hanya wujud dalam masyarakat Kelabit. Misalnya *Apui Raja* (suami) dan *Ubar Aran* (isteri) menjadi *Ngalinuh Bala* dan *Sinah Ngalinuh Bala*. *Sinah* bermaksud Ibu.

<sup>127</sup>James Barclay, *A Stroll Through Borneo*, hlm. 136.

<sup>128</sup>Temubual dengan informan *tepu'* Nabad Bala pada 20hb Mei. 1993.

<sup>129</sup>Diakui oleh Nabad Bala, Bala Siren, Balang Tuuh dan Ibu penulis, *Sinah Ngalinuh*.